AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

قليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 23 RABU 5 JUN, 1985. رابو 16 رمضان 1405 PERCUMA



YAM Pengiran Sanggamara Diraja Brigadier Jeneral Pengiran Haji Ibnu juga menyampaikan pingat-pingat sempena ulang tahun ABDB di Perkhemahan Berakas.

# BERTANGGUNGJAWAB, TAAT SETIA JAMIN KEAMANAN — Titah

PERKHEMAHAN BERAKAS. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa tanggungjawab dan taat setia dalam Pasukan Polis Diraja Brunei dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei adalah di antara sebab yang menjadikan negara menikmati keamanan.

Baginda bertitah, "Adalah menjadi kenyataan bahawa Negara Brunei Darussalam yang penuh merdeka lagi berdaulat sekarang ini, dengan izin Allah Subhanahu Wataala jua, berkeadaan aman tenteram ialah disebabkan antara lainnya oleh rasa tanggungjawab dan taat setia yang sentiasa wujud dalam Pasukan Polis Diraja Brunei dan juga dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei."

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian dalam satu titah perutusan bersempena memperingati Hari Ulang Tahun Ke-24 Penubuhan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Brigadier Jeneral Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong, bertempat di Perkhemahan Berakas pada hari Jumaat lepas.

Titah Baginda lagi, memelihara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei supaya sentiasa berada di tahap yang berkesan lagi kukuh adalah salah satu keutamaan negara. Perkhidmatan dalam angkatan bersenjata, tegas Baginda adalah salah satu kerjaya yang mulia bagi anak watan untuk menunjukkan kesetiaan mereka kepada negara mereka sendiri.

Seterusnya dalam titah perutusan itu Baginda penuh berharap kepada semua golongan masyarakat di negara ini agar dapat memberikan galakan dan dorongan yang tidak putus-putus kepada semua ahli-ahli Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing pada memelihara keselamatan dan kesentosaan negara ini.

"Negara kita dari masa ke semasa akan menghadapi pelbagai cabaran. Marilah kita menghadapi cabaran itu dengan semangat yang gigih dan hati yang teguh. Kita berdoa semoga semua anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei sentiasa mendapat hidayat dan petunjuk dari Allah dalam menjalankan tugas dan kewajipan masing-masing," titah Baginda.

### PENGHARGAAN

Terdahulu dalam titah perutusan tersebut Baginda telah berkenan menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada semua anggota dan bekas anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atas khidmat dan jasa bakti mereka yang telah mereka berikan kepada negara, demi memelihara keamanan dan ketenteraman Negara Brunei Darussalam.

Dalam tempoh dua puluh empat tahun, yakni hampir dua dekad setengah, titah Baginda, dengan penuh azam dan dedikasi, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah terbentuk kepada kekuatan sekarang yang hampir 4,000 orang terdiri dari lelaki dan wanita yang cukup terlatih dan berdisiplin tinggi serta penuh dengan kelengkapan yang moden.

Oleh: Ahat Ismail

## *Penyampaian pingat diadakan serentak*

PERKHEMAHAN BERAKAS. — Bersempena memperingati Hari Ulang Tahun Ke-24 Penubuhan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), satu perhimpunan dan majlis Penyampaian Pingat Kerja Lama Serta Perangai Baik diadakan serentak di keempat-empat perkhemahan, Jumaat lepas.

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigadier Jeneral Dato Paduka Seri Friedberger dalam ucapan perutusannya yang dibacakan oleh Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Setia Kolonel Dato Paduka Awang Sulaiman bin Haji Damit menyatakan rasa terima kasihnya kepada semua ahli-ahli angkatan bersenjata di atas khidmat bakti mereka dalam mengekalkan kejayaan ABDB setahun yang lalu.

Menurutnya, latihan Singa Hutan yang diadakan pada bulan Disember lalu adalah merupakan latihan yang terbesar pernah diadakan di

Lihat muka 16

## RBA BELI BOEING 757

Oleh Jaafar Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sejajar dengan perkembangan perhubungan udara di negara ini yang semakin begitu mencabar dan berkembang maju, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) telah membeli tiga buah lagi pesawat terbang jenis 757 — 200 dari sebuah Syarikat Boeing di Amerika Syarikat.

Ketiga-tiga buah pesawat terbang itu yang berharga lebih kurang 175 juta ringgit Amerika Syarikat termasuk alat-alat pengganti dan alat-alat penopang itu akan diserahkan kepada Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dalam bulan Mei, Jun dan Julai tahun 1986.

Satu upacara menandatangani Surat Perjanjian Pembelian Pesawat tersebut di antara Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan The Boeing Company telah dilangsungkan di Dewan Serbaguna, bangunan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan di sini pada hari Khamis 30 Mei yang lalu.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Lihat muka 16



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan selaku Pengurus RBA menandatangani perjanjian dengan Awang Richard R Albrecht, Naib Yang Dipertua Kerja bagi Boeing Commercial Plane Company — Gambar oleh Rabaee Sabli.

## MESYUARAT AGUNG PERKASA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kampong Saba (PERKASA), baru-baru ini telah mengadakan mesyuarat agungnya kali ke 15. Mesyuarat tersebut berlangsung di Sekolah Ugama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di sini.

Mesyuarat tersebut antara lain telah membincangkan laporan tahunan kewangan persatuan tersebut serta membubarkan Ahli-Ahli Jawatankuasa lama dan melantik Ahli-Ahli Jawatankuasa baru bagi 1985-1987.

Mesyuarat sehari itu telah dirasmikan oleh Awang Haji Zabidi bin Haji Nasar, Pegawai Pelajaran, di Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.

## MANISNYA IMAN

"DI dalam bulan Ramadan itulah diturunkan Al-Quran yang menjadi petunjuk bagi manusia dan keterangan-keterangan dari petunjuk itu dan yang membezakan (antara kebenaran dan kesesatan)". — Makna ayat 185 Surah Al-Baqarah.

Pelita Brunei

5 JUN, 1985

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PENGLIBATAN BELIA DALAM AKTIVITI PEMBANGUNAN

KEMAJUAN suatu bangsa itu sebahagian besarnya terletak kepada penglibatan belia-belianya dalam aktiviti-aktiviti pembangunan.

Bagi kita di Negara Brunei Darussalam ini kira-kira tiga suku dari jumlah penduduk tanahair adalah terdiri dari mereka yang berumur 24 tahun ke bawah, suatu jumlah yang harus diambil kira dalam setiap rangka atau persiapan rancangan pembangunan di masa akan datang.

Kemantapan ekonomi dan sosio-budaya yang berteraskan kepada pegangan berugama, cukup membantu belia-belia kita dalam menghadapi cabaran-cabaran bagi mencapai tujuan-tujuan pembangunan bangsa seterusnya mempersiapkan mereka dalam setiap komitmen yang tali-temali terhadap aspirasi sebenar negara yang mereka warisi di masa akan datang.

Akan tetapi aspek-aspek ekonomi dan sosio-budaya yang berteraskan kepada pegangan berugama bukanlah jaminan secara total yang dapat menghindari belia-belia kita dari perkara-perkara yang negatif kerana kemalangan jalan raya dan penyakit yang berpunca dari penyalahgunaan dadah telah menunjukkan semakin meningkat di kalangan belia-belia kita.

Kesedaran belia-belia itu sendiri adalah penting di samping pemahaman yang jitu akibat-akibat dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif yang memudaratkan kehidupan mereka di masa hadapan.

Dalam pada itu penglibatan belia-belia kita dalam sektor pertanian juga semakin menurun. Perangkaan yang didapati menunjukkan bahawa belia-belia kita dari hari ke hari kian ketinggalan penglibatan dan sumbangan mereka di sektor pertanian. Orang-orang luar lebih menguasai sektor pertanian walhal sektor ini penting dalam kehidupan lagi pun negara kita dahulunya bergantung kepada hasil pertanian.

Usaha pihak Kerajaan dengan menawarkan pelbagai kursus yang berhubung dengan sektor pertanian untuk belia-belia kita ialah bagi mendedahkan mereka itu kepada sektor ini di samping dapat memanfaatkan sebagai sumber pencarian di masa hadapan yang secara tidak langsung sama-sama memberikan saham tersendiri dalam membangun satu bangsa yang berwibawa.

Pembangunan suatu bangsa tidak semata-mata diukur dari kemantapan ekonominya serta keselesaan sosio-budaya tetapi juga kesanggupan belia-belia kita dalam mengisi erti aktiviti-aktiviti pembangunan itu yang termasuklah jua melibatkan diri secara aktif dalam sektor pertanian.

Manakala di sektor persendirian dan buruh pula begitu memberangsangkan dari segi bilangan penglibatan orang-orang kita tetapi kesannya terhadap belia-belia kita tidak begitu menonjol kerana kita masih juga melihat banyak buruh-buruh yang didatangkan dari luar. Penglibatan belia-belia kita dalam sektor persendirian dan buruh ini cuma di peringkat pengurusan manakala peringkat pelaksanaan kebanyakannya dikuasai oleh orang-orang luar, suatu keadaan yang kita sendiri yang menghendakinya.

Minat mendalam yang diperlihatkan oleh orang-orang kita dalam sektor persendirian dan buruh ini memangnya dialu-alukan, suatu pertanda bahawa kita mahu bersaing dalam bangsa lain yang sudah maju dalam sektor ini, akan tetapi sekadar minat dan persaingan saja tanpa berusaha melibatkan secara aktif belia-belia kita dalam sektor ini di peringkat pelaksanaan yang merupakan nadi kegiatan tidaklah memberuntungkan dalam erti sebenarnya terhadap pembangunan suatu bangsa yang berwibawa. Keutuhan suatu sektor persendirian dan buruh orang-orang kita haruslah diseimbangkan dengan sumbangan secara aktif belia-belia kita sendiri, barulah tanggungjawab itu sungguh bererti.

Kita percaya pendekatan-pendekatan yang bersifat menyeluruh bagi mengatasi hal-hal yang disebutkan itu akan dapat dicari oleh mana-mana pihak yang terlibat, yang bukan saja diserahkan kepada pihak Kerajaan semata-mata.

---

**BERIKUT ialah ucapan penuh Menteri Pelajaran dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz sewaktu berucap di Perhimpunan Kesihatan Sedunia kali ke-38 di Geneva.**

# DASAR KESIHATAN DISELARASKAN DGN. AJARAN ISLAM



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan.

BISMILLAHIR rahmanir rahim.

Tuan Yang Dipertua, Pengarah Agung, Tuan-Tuan Yang Terutama dan perwakilan-perwakilan yang ternama. Bagi pihak perwakilan saya dari Negara Brunei Darussalam, saya ingin mencatatkan penghargaan yang mendalam dan penuh ikhlas dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kerana penghormatan yang diberikan kepada kami oleh Perhimpunan Kesihatan Sedunia kali ke-38 dalam menerima Negara Brunei Darussalam sebagai ahli penuh Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Kami juga berterima kasih kerana diberi peluang untuk menyertai dalam semua perbincangan sepanjang sesi ini berjalan.

### MEMASUKI

Sejak Negara Brunei Darussalam mengambil alih semula tanggungjawab sepenuhnya sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat, kami telah memasuki beberapa badan antarabangsa, termasuk Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), Pertubuhan Persidangan Islam (O.I.C.), Negara-Negara Komanwel dan, baru-baru ini Bangsa-Bangsa Bersatu.

Perwakilan saya ingin hendak mempastikan kepada tuan bahawa kami akan menerima dengan sepenuhnya kewajipan-kewajipan Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan dengan sepenuh hati mengsahkan semua aktiviti-aktiviti yang diusahakannya untuk kebaikan kesihatan dan kesejahteraan manusia di dunia.

Tuan Yang Dipertua, Tuan-tuan Yang Terutama dan perwakilan-perwakilan yang ternama, sebelum saya meneruskan ucapan ini, izinkanlah saya, bagi pihak perwakilan saya dan bagi pihak saya sendiri menyampaikan ucapan tahniah kami kepada Tuan Yang Terutama Bapak Surjaningrat dari Indonesia atas lantikannya sebagai Yang Dipertua Perhimpunan Kesihatan Sedunia yang ke-38 ini. Kami juga ingin menyampaikan ucapan selamat kami kepada Naib-naib Yang Dipertua dan anggota-anggota jawatankuasa yang baru dilantik bagi Perhimpunan ini. Sebagai seorang yang mengenali Tuan Yang Dipertua secara peribadi, yang menaruh keyakinan bahawa, dengan bantuan pasukan anggota-anggota jawatankuasa ini di bawah pimpinan tuan yang berkebolehan, perhimpunan ini akan dapat menjalankan kewajipan dengan jayanya.

Negara Brunei Darussalam ialah sebuah negara Melayu Islam Beraja dengan mempunyai penduduk seramai 215,000 orang, keluasan 2,226 batu persegi di pantai Barat Laut Borneo, 275 batu ke utara Khatulistiwa.

### FALSAFAH

Selaras dengan falsafah kebangsaan kami, Islam di Negara Brunei Darussalam diamalkan sebagai satu cara hidup yang lengkap. Dengan demikian dasar kebangsaan kesihatan kami adalah diselaraskan ke arah memperbaiki kualiti hidup untuk seluruh penduduk kerana ajaran-ajaran Islamlah yang menggalakkan pengikut-pengikutnya supaya bersih dan sihat dari segi jasmani, fikiran dan rohani. Kami penuh percaya semua matlamat ini hanya boleh dicapai melalui satu sistem pelajaran yang sempurna kerana pelajaran adalah tiang pembangunan negara.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, kami berpendapat pembangunan negara hendaklah berasaskan ajaran Islam yang merangkumi setiap aspek perkembangan budi pekerti seseorang warganegara yang baik. Dengan keyakinan inilah keutamaan diberikan kepada pengajaran ilmu pengetahuan Ugama Islam kepada setiap orang Islam Brunei, dan mulai dari tahun ini, konsep Melayu Islam Beraja (MIB) telah diperkenalkan di semua peringkat sistem persekolahan kami. Adalah menjadi matlamat kami yang terakhir agar setiap orang Brunei tidak kira ugama dan bangsa akan memahami dan mengamalkan kemurnian Melayu Islam Beraja.

Dengan kurnia Allah, Negara Brunei Darussalam adalah bernasib baik kerana mempunyai sumber-sumber alamnya sendiri yang sejak beberapa tahun, telah memberi sumbangan terhadap kekukuhan ekonominya, yang membolehkan kami untuk menanggung semua projek pembangunan sambil mempertahankan satu taraf hidup yang tinggi.

Kami telah dapat mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan sosial terutamanya dalam bidang pelajaran dan penjagaan kesihatan, bagi setiap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, malah untuk mereka yang tinggal di kawasan-kawasan pendalaman. Ini sebaik-baiknya dapat ditunjukkan dengan adanya satu kadar kematian kanak-kanak damit yang agak rendah iaitu 12.7 peratus dan kadar kematian ibu-ibu yang mengandungi sebanyak 0.48 peratus dan juga bertambahnya jangkaan hidup sejak lahir kepada purata 71 tahun. Ini jelas menunjukkan bahawa Negara Brunei Darussalam telah mencapai kebanyakan matlamat-matlamat yang penting bagi Kesihatan Untuk Semua Menjelang Tahun 2000.

### BERSESUAIAN

Tema bagi memperingati Hari Kesihatan Sedunia tahun ini 'BELIA SIHAT — SUMBER KITA YANG TERBAIK' adalah sangat bersesuaian dan berguna sebagai satu cabaran kepada pembangunan negara kami.

Di Negara Brunei Darussalam kira-kira 40 peratus daripada seluruh penduduknya adalah terdiri dari kanak-kanak sekolah yang berumur di bawah 21 tahun, dan dianggap sebagai belia yang aktif. Oleh sebab itu, adalah penting bagi kami untuk memaju dan membentuk kadar penduduk kami yang besar ini mengikut keperluan-keperluan dan cita-cita kebangsaan kami. Sebagaimana yang saya sebutkan terdahulu, adalah menjadi matlamat kami yang terutama untuk melahirkan belia-belia yang sihat dari segi jasmani, fikiran dan rohani. Seseorang individu mestilah sihat dari segi jasmani dan fikiran untuk membolehkannya melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawabnya dengan berkesan dan cekap. Dia juga perlu sihat dari segi rohani supaya dapat memberikan kekuatan dalaman untuk mencegah sebarang anasir-anasir yang bertentangan. Bagi kami tidak ada pilihan lain untuk mencapai matlamat-matlamat ini selain dari menanamkan di kalangan para belia kami kebaikan-kebaikan yang didapati dalam ajaran-ajaran Islam.

Dalam hubungan ini, kita mestilah meluangkan masa untuk memikirkan generasi yang lebih muda. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk meneliti keperluan-keperluan mereka dan memberikan jalan-jalan keluar bagi pengembaran dan tenaga. Mereka memerlukan kasih sayang, pengertian, simpati dan bantuan kewangan dan kebendaan. Ini adalah merupakan satu pelaburan yang mesti diambil perhatian yang sewajarnya oleh semua negara di dunia ini.

Generasi yang lebih muda mestilah mempunyai ilmu pengetahuan kesihatan untuk menjadi rakan sepenuhnya dalam memelihara dan menggalakkan kesihatan sesungguhnya tidak ada rancangan penjagaan kesihatan asas boleh berjaya tanpa penglibatan mereka. Oleh itu pelajaran dan kesihatan adalah asas terpenting untuk penerusan belia kita.

Kawasan Asia Pasifik, yang merupakan 25 peratus daripada keluasan daratan tanah, menempatkan lebih daripada separuh dari penduduk dunia. Kenyataan ini, beserta dengan keadaan ekonomi yang kurang baik, adalah satu halangan yang amat sangat bagi pembaikan kualiti hidup, atau malah bagi penerusan hidup, di kebanyakan negara-negara yang sedang membangun di rantau ini. Bagaimanapun, Negara Brunei Darussalam adalah lebih bernasib baik daripada setengah-setengah negara jiranya dalam mana ketegangan-ketegangan ekonominya tidak melambatkan kecepatan pembangunan dalam negara meskipun kemerosotan ekonomi dunia.

### MEMAJUKAN

Namun demikian, sebagai sebuah negara yang baru, kami mempunyai ketegangan-ketegangan yang lain. Kami terpaksa memajukan proses pengurusan kemajuan kesihatan kebangsaan dan latihan tenaga manusia kesihatan. Kami perlu menguatkan sistem maklumat kesihatan dan rancangan-rancangan kawalan alam sekitar kami. Kami harus mempergiatkan rancangan-rancangan pelajaran kesihatan kami dan kami memerlukan kerjasama untuk menggunakan teknologi yang sesuai bagi penggunaan maksimum sumber-sumber yang sedia ada.

Tuan Yang Dipertua, Tuan-Tuan Yang Terutama dan perwakilan-perwakilan yang ternama, perwakilan saya percaya bahawa, dengan pengalaman dan kepakarannya yang kaya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia akan memainkan peranan yang positif untuk membantu kami dalam memajukan rancangan-rancangan ini untuk memcapai satu kualiti hidup yang lebih tinggi bagi rakyat dan penduduk kami. Perwakilan kami berterima kasih kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia kerana kerjasama dan sokongan spontan yang telah kami terima pada masa-masa yang lalu bagi sebilangan besar rancangan yang berkaitan dengan kesihatan di Negara Brunei Darussalam. Rancangan Penghapusan Malaria, yang dijalankan dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia, adalah satu contoh kejayaan yang cemerlang hasil dari rancangan-rancangan sedemikian. Brunei Darussalam bebas dari Malaria sejak tahun 1969.

### SUMBER

Kelemahan ekonomi di negara-negara lebih miskin yang sedang membangun pada satu pihak dan ketiadaan teknologi dan sumber-sumber tenaga manusia yang bersesuaian di negara-negara kaya yang sedang membangun pada pihak yang lain, sama-sama mempengaruhi rancangan-rancangan kesihatan.

Banyak bergantung kepada hasil daripada perbincangan-perbincangan di perhimpunan ini. Walau bagaimanapun kami terus sangat mengharapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia akan menyelaraskan kerjasama teknikal antara negara serantau dan memupuk perpaduan di kalangan negara-negara kaya untuk membantu negara-negara yang kurang bernasib baik tampil ke hadapan dengan keyakinan yang sama ke arah matlamat bersama bagi Kesihatan Untuk Semua Menjelang Tahun 2000.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, Tuan-Tuan Yang Terutama dan perwakilan-perwakilan yang ternama, izinkanlah saya bagi pihak perwakilan saya, mengucapkan terima kasih kepada tuan-tuan sekalian lagi kerana ucapan-ucapan selamat yang disampaikan kepada kami bersempena dengan kemasukan kami menjadi anggota Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan berharap agar sumbangan kami yang kecil sepanjang sesi-sesi ini, akan menjadi satu lagi langkah ke arah kerjasama antarbangsa dan muhibah di antara negara-negara di dunia ini untuk faedah masa depan manusia di dunia.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

# PERADUAN MELUKIS ILUSTRASI BUKU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan di negara ini sedang menganjurkan Peraduan Melukis Ilustrasi Buku Kanak-Kanak terbuka sehingga 21 Ogos depan.

Peraduan yang pertama kali dianjurkan oleh jabatan itu terbuka kepada semua peringkat umur, rakyat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan serta penduduk tetap di negara ini.

Borang-borang penyertaan peraduan ini boleh didapati dari Setiausaha Peraduan Melukis Ilustrasi Buku Kanak-Kanak, Tingkat empat, Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syarat-syarat penyertaan ke peraduan ini adalah seperti berikut:

Semua para peserta dikehendaki melukis ilustrasi sebuah buku berpandukan kepada kandungan teks yang disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ilustrasi-ilustrasi yang dilukis adalah hasil daya usaha dan teknik pelukis itu sendiri dengan menggunakan warna penuh mengikut ukuran yang ditetapkan berdasarkan (sukatan 265mm × 420mm).

Para peserta hanya dibenarkan menyertai ilustrasi untuk dua buah buku yang berlainan tajuk dan semua penyertaan peraduan itu akan dihakimkan oleh jemaah hakim yang dilantik oleh pihak penganjur.

Penal hakim boleh membuat keputusan sama ada mentiadakan mana-mana bahagian hadiah penghormatan dan hadiah penghargaan jika pada pendapat penal hakim ilustrasi yang disertakan tidak mencapai mutu yang dikehendaki.

Semua ilustrasi buku yang memenangi hadiah akan menjadi hak milik Dewan Bahasa dan Pustaka dan kemungkinan besar akan dicetak menjadi buku terbitan DBP.

Keputusan para hakim adalah muktamad dan pemenang-pemenang peraduan akan diumumkan melalui mass media di negara ini.

Kepada para pelukis yang ingin menyertai peraduan hendaklah mengisi borang yang disediakan dan menghantarnya bersama ilustrasi untuk penyertaan peraduan tidak lewat dari tarikh 21 Ogos depan kepada Setiausaha Peraduan seperti alamat di atas.

Pemenang-pemenang peraduan ini akan menerima hadiah wang tunai seperti berikut hadiah pertama berjumlah $1,250.00, kedua sebanyak $1,000.00 dan tempat ketiga berjumlah $750.00 serta 10 hadiah penghargaan sejumlah $200.00 tiap-tiap seorang. — JOE.



## Abd Latif terima anugerah Percetakan

AWANG Abdul Latif bin Haji Bakar seorang penuntut Brunei yang mengikuti kursus Penjilid Buku di United Kingdom adalah pemenang anugerah Percetakan tahunan Bristol United Press tahun ini. Beliau memenangi anugerah tersebut bersama seorang penuntut perempuan dari Nailsea, Fiona Robinson.

Awang Abdul Latif mengikuti kursus tersebut di Maktab Teknikal Brunei selama dua tahun di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan iaitu cuti tidak bergaji.

Awang Abdul Latif mula berkhidmat dengan Kerajaan dalam tahun 1976 sebagai Kerani Tingkatan III dan ditempatkan di Jabatan Setiausaha Kerajaan. Beliau bertukar ke Jabatan Muzium dengan jawatan yang sama dan dalam tahun 1981 beliau telah dinaikkan pangkat menjadi Pembantu Pemelihara Makmal di Bahagian Arkib.

Sebelum pergi ke United Kingdom, beliau pernah menjalani kursus singkat di Singapura di mana beliau ditempatkan di Archives & Oral History Department dan di Kodak Co. Ltd.

Gambar atas kelihatan Awang Abdul Latif dan Fiona bergambar bersama-sama dengan lain-lain pemenang (berdiri di belakang dari kiri — Puan Ruth Lockier, Lester Gaulton dan Paul Devonshire.

## Perkhidmatan pemanduan diadakan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan laut, Kementerian Perhubungan memaklumkan kepada pemilik-pemilik dan ejen-ejen kapal bahawa jabatan itu pada masa ini boleh mengadakan perkhidmatan pemandu (pilotage services) di Pelabuhan Muara pada masa-masa berikut:

Hari-hari biasa melainkan bulan puasa:

i. **Setiap hari melainkan hari Jumaat dari jam 7.15 hingga 6.00 petang.**

ii **Hari Jumaat dari 7.15 pagi hingga 11.00 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 6.00 petang.**

Hari-hari semasa bulan puasa:

i **Setiap hari melainkan hari Jumaat dari 8.00 pagi hingga 5.15 petang.**

ii **Hari Jumaat dari 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan dari 2.00 petang hingga 5.00 petang.**

Oleh itu pemilik-pemilik dan ejen-ejen kapal hendaklah menghadapkan permohonan jika kapal diperlukan bertolak di luar dari masa-masa yang disebutkan di atas TIDAK KURANG DARI 24 JAM dari masa yang diperlukan untuk bertolak.

Borang-borang permohonan boleh diperolehi dari Pejabat Perkapalan.

Menurut surat keliling itu lagi, masa tambahan perkhidmatan pemandu yang boleh dipohonkan itu adalah sehingga jam 10.00 malam sahaja.

Hari-hari cuti bagi semua jurupandu dalam mana perkhidmatan pemanduan ditiadakan ialah Hari Raya Puasa, Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Hari Raya Haji.



## Mengikuti kursus di Australia

AWANG Rosli bin Omar, Pegawai Dengan Tugas-tugas Khas di Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam kini sedang berada di Australia bagi mengikuti Kursus Pengurusan Pembangunan dan Penyelidikan selama tiga bulan. Semasa berada di sana beliau telah ditempatkan di berbagai-bagai bahagian di CSIRO, Australia. Dalam gambar kelihatan Awang Rosli bersama dengan Dr Frank Bromilow, Pengetua Penyelidik Sains di bahagian Bangunan Penyelidikan CSIRO, Melbourne. — Gambar ihsan Perkhidmatan Penerangan Australia.

# Jangan cuma menghargai kecantikan gubahan bunga

Oleh Haniza Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Datin Masni binti Haji Ali, isteri Kepada Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan menegaskan orang hanya tahu menghargai kecantikan gubah-gubahan bunga yang menarik tetapi tidak mempunyai daya untuk menggubahnya.

Katanya, melalui kelas-kelas yang dianjurkan oleh Badan Kebajikan Dewan Bahasa dan Pustaka ini adalah salah satu cara yang boleh membantu kaum wanita untuk mencapai maksud tersebut.

Berucap di pameran gubahan bunga-bunga anjuran Perpustakaan Dewasa dengan gabungan Badan Kebajikan dan Kelas Urusan Rumahtangga, Dewan Bahasa dan Pustaka yang berlangsung di Balai Pameran pada Ahad lepas beliau seterusnya berkata seni gubahan bunga adalah salah satu seni yang mudah dipelajari dan dipraktikan mengikut kesukaan atau pilihan individu.

Terdahulu dari itu ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh pengerusi pameran Dayang Nellie Haji Sunny. Dalam ucapannya beliau menyeru kaum wanita supaya meningkatkan lagi usaha dan kemahiran mereka di samping menggalakkan mereka menggunakan perkhidmatan yang telah disediakan oleh perpustakaan yang mana kemudahan perkhidmatan tersebut bukan hanya diberikan kepada kanak-kanak dan muda-mudi sahaja.

Pemangku Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Dayang Fatimah binti Haji Mohd Husain, kemudiannya telah menyampaikan cenderamata kenang-kenangan kepada Datin Masni dan seterusnya menyaksikan pameran gubahan bunga dan buku-buku panduannya.

Sebuah ceramah khas berkenaan dengan tunjukcara Gubahan Bunga telah disampaikan oleh Guru Pengasas Urusan Rumahtangga, Dayang Edith Lim.

Pameran selama sembilan hari itu adalah bertujuan untuk memupuk minat pegawai dan kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka dan ahli-ahli kelas Urusan Rumahtangga untuk menggubah aneka gubahan bunga-bunga di samping untuk menggalakkan minat bagi mengisi masa lapang serta sebagai satu langkah kegiatan Badan Kebajikan Dewan Bahasa dan Pustaka khusus untuk pegawai dan kakitangan bagi membuat kerjatangan yang mendatangkan hasil yang sempurna.



DATIN Masni binti Haji Ali dengan diiringi oleh Pemangku Timbalan Pengarah DBP Dayang Fatimah binti Haji Mohd. Husain berserta dengan Pengerusi Pameran Dayang Nellie binti Haji Sunny sedang menyaksikan pameran. — Gambar ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka.



## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.... Siri ke-279

# PUAK BATINIYYAH (Sambungan)

Masa saya di Edan, saya telah diberitahu oleh seorang sahabat saya bahawa seorang pemuda dari kalangan orang-orang yang terkenal di Edan telah mengasingkan diri dari orang ramai, dengan menjaga anggotanya yang tujuh, maka saya pun syak akan kelakuannya, kemudian ada orang berkhabar kepada saya bahawa polan anu itu berulang alik kepadanya. Saya takut orang itu menyesat dia, kerana di kampung-kampung Edan dan puak Batiniyyah yang berfahaman Wahdatul Wujuud kemudian orang muda itu pergi ke Hadhramaut bersama-sama satu kumpulan, dia tiada sembahyang apabila orang-orang mengajak dia sembahyang Subuh, dan dia tiada mahu sembahyang maka saya nasihatkan, dia melihat saya sebagai orang jahil kerana mengerjakan perkara Syara', dan dia telah sampai kepada hakikat konon, kemudian kita berhimpun dalam majlis ramai-ramai, maka saya nasihatkan dia dan memperingatkan dia akan amal orang Salafus Saalih seperti Al-Habiib Alp Aidaruusul Akbar dan lain-lain. Kemudian berpaling kepada saya dan berkata: "Adakah Al-Didruus itu tahu Tauhid?" Maka saya jawab: "Ya dia sebaik-baik manusia menyempurnakan hak-hak Allah dan beribadat kepada-Nya dan menyempurnakan perkara-perkara fardu-fardu Allah, dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bangun malam beribadat sehingga bengkak tapak kaki baginda dan orang-orang berkata: "Ya Rasulullah adakah tuan hamba beribadat begitu padahal tuan hamba telah diampunkan Allah dosa yang dahulu dan kemudian." Maka baginda Rasulullah bersabda: "Tidakah layak saya menjadi hamba Allah yang berterima kasih di atas nikmat-nikmat-Nya?" Dari kita mengerti bahawa Tauhid kita itu lain jenis dari Tauhid puak kafir itu, Tauhid kita beriman kepada Allah Taala semata-mata dan Tauhid mereka ialah kufur kepada Allah dan engkarkan wujud-Nya' kita mohon kepada Allah Taala ditetapkan kita dalam iman dan Islam dengan limpah rahmat-Nya.

Katanya lagi: "Seseorang daripada kalangan puak Batiniyyah telah menulis kepada tuan guru saya dengan berkulitkan Ahli At-Tasauf dan Ilmu Hakikat, maka guru saya menjawab dengan mencela perkataannya itu, kerana membuat kurang ajar kepada Allah Subhanahu Wataala."

Katanya lagi: "Seorang penduduk Edan telah menulis surat kepada saya, dia berkhabar kepada saya, dia suka hendak menyelidik kedudukan puak Batiniyyah itu, kerana mereka menyembunyikan hakikat kedudukan mereka, dan ia membuat perjanjian dan bersumpah tiada membocorkan hakikat mereka kepada siapa yang mahu masuk dalam golongan mereka, dan puak itu menerimanya dan dia duduk bersama-sama mereka seketika lamanya. Maka pada suatu malam mereka berhimpun dan pemimpin mereka ada di majlis itu, maka orang itu pun bangun memberi nasihat dan menyatakan kesalahan mereka, maka pemimpin mereka menjerit: "Mahjub, Mahjub" dan pengikut-pengikutnya menjerit dengan satu suara: "Mahjub, Mahjub" dan panjanglah bicara dia dengan mereka, tiada berhenti mereka dari mengulangi perkataan "Mahjub, Mahjub," kemudian orang itu keluar dari majlis setelah menerima berbagai-bagai amaran dan ugutan dari puak Batiniyyah itu."

Tatkala saya berada di Jawa, saya mendengar daripada beberapa orang sesuatu yang tiada saya dapat pastikan, kemudian seorang guru sekolah datang berkhabarkan saya bahawa ada di sini suatu kumpulan yang besar bilangannya tiada percayakan kenabian Nabi Allah, dan engkarkan ugama. Dan puak itu berkata dengan ada tabiat (Nature), dan berkata ada guru yakni mereka percaya bahawa tiap-tiap seorang manusia itu ada seorang guru batin, maka saya jawab kepercayaan itu seperti kepercayaan yang diceritakan oleh orang daripada Ghandi dan pengikut-pengikutnya dari puak Majusi menyembah api di India, maka adakah kumpulan yang awak sebutkan itu sudah menjadi Majusi, maka guru itu tiada berkata apa-apa dan pergi.

Pada suatu hari saya berada di dalam suatu bandar di Tanah Melayu, maka datang seorang dengan membawa sebuah kitab, dia bertanyakan kepada saya adakah isi kitab ini betul? Dan kitab itu bercetak, maka saya dapati kitab itu mengenai Ilmu Tauhid manakala saya balik helai-helainya maka saya dapat kitab itu menjadikan sifat-sifat Allah seperti sama (mendengar), Basar (melihat), dan lain-lain lagi, sebagai sifat bagi manusia (seperti sifat sama Allah ialah sifat Sama manusia), maka saya tiada senang dengan perkara yang salah seperti itu, kerana pengarang-pengarang puak Batiniyyah itu bersembunyi dan berkulit dengan ibarat kulit Ahli Tasauf dan mereka campurkan ibarat Ahli Tasauf dengan dajal tipu daya mereka.

Beberapa buah kitab ditunjukkan kepada saya, kebanyakannya dicetak di Mekkah dan setengah-tengahnya di Mesir dalam Bahasa Melayu, maka saya fatwakan bahawa haram membaca kiab-kitab itu. Kesemua kitab-kitab itu bicara-membicarakan masalah-masalah ajaran puak Batiniyyah itu.

Seorang kadi telah berkata kepada saya bahawa dia merampas satu jilid kitab yang besar yang dicetak di Mesir, pengarang kitab itu mengajak pada menyembah lapangan udara (ruang angkasa ) (Fadha). Saya kata: "Ini dia mazhab Hindustan Majusi, kerana Majusi itu ada beberapa puak yang banyak."

Inilah setengah daripada perkara puak Batiniyyah yang kufur itu dan pada apa yang kita sebutkan itu menunjukkan sesat dan kufur puak yang bersembunyi dengan ajarannya itu.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)

# BANK DRAFT HAJI MENINGKAT TAHUN INI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bank draft bagi tiap-tiap seorang bakal haji dewasa dan kanak-kanak berumur lima hingga 12 tahun bagi musim haji tahun ini telah meningkat dibandingkan dengan bank draft tahun lepas.

Jabatan Hal Ehwal Ugama menyatakan bank draft bagi tiap-tiap seorang bakal haji dewasa tahun ini ialah 6,303.00 Rial Saudi yang dianggarkan sama dengan wang Brunei sebanyak B$3,950.00 dan kanak-kanak berumur lima hingga 12 tahun pula ialah sebanyak 3,550.00 Rial Saudi kira-kira B$2,250.00 wang Brunei . Sementara kanak-kanak berumur lima tahun ke bawah tidak dikehendaki membuat bank draft.

Pada tahun lepas bank draft bagi tiap-tiap seorang bakal haji dewasa ialah sebanyak 5,555.00 Rial Saudi (kira-kira B$3,450.00) dan kanak-kanak berumur lima hingga 12 tahun pula sebanyak 2,927.00 Rial Saudi (kira-kira B$1,818.00).

Jabatan Hal Ehwal Ugama juga mengumumkan kepada semua bakal-bakal haji tahun 1985 yang telah mendaftarkan nama mereka dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bersetuju memilih Syarikat Sistem Penerbangan Malaysia Berhad (MAS) untuk membawa bakal-bakal haji tahun ini menurut kadar tambang seperti berikut:

Orang dewasa : B$2,350.00, Kanak-kanak berumur dua tahun B$1,200.00, Kanak-kanak berumur di bawah dua tahun B$240.00.

Oleh yang demikian bakal-bakal haji yang akan pergi dengan tambang sendiri adalah dikehendaki menjelaskan harga tambang mereka dan bank draft serta membawa pasport untuk urusan membuat bank draft ke Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan mulai jam 8.30 pagi hingga 1.30 tengah hari, sementara penerimaan yang dibuat pada hari Jumaat mulai jam 8.30 pagi hingga 10.30 pagi pada tarikh seperti berikut.

Hari Rabu 5 Jun 1985: Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 801 hingga 1,000;

Hari Jumaat 7 Jun 1985: Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 1,001 hingga 1,150;

Hari Sabtu 8 Jun 1985: Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 1,151 hingga 1,300;

Hari Isnin 10 Jun 1985: Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan 1,301 hingga 1,500;

Hari Selasa 11 Jun 1985: Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 1,501 hingga 1,700;

Hari Rabu 12 Jun 1985: Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 1,701 hingga 1,900;

Hari Khamis 13 Jun 1985: Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 1,901 hingga 2,100;

Hari Jumaat 14 Jun 1985: Untuk bakal-bakal haji Brunei-Muara dari bilangan pendaftaran 2,101 hingga 2,220;

Hari Sabtu 15 Jun 1985: Untuk bakal-bakal haji Daerah Tutong dari bilangan 1 hingga 200;

Hari Isnin 17 Jun 1985: Untuk bakal-bakal haji Daerah Tutong dari bilangan pendaftaran 201 hingga 425;

Hari Selasa 18 Jun 1985: Untuk bakal-bakal haji Daerah Belait dari bilangan pendaftaran 1 hingga 200;

Hari Rabu 19 Jun 1985: Untuk bakal-bakal haji Daerah Belait dari bilangan pendaftaran 201 hingga 332 dan untuk semua bakal-bakal haji Daerah Temburong.

Bagi bakal-bakal haji yang akan menunaikan fardu haji dengan kurnia tambang Kerajaan dan kurnia tambang Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Majlis Ugama Islam tarikh dan masa pembayaran tambang dan bank draft akan dimaklumkan kemudian.

Mereka yang memohon tambang Kerajaan dan kurnia tambang Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Majlis Ugama Islam yang terkandung dalam bilangan pendaftaran pada hari-hari pembayaran yang ditetapkan kepada bakal-bakal haji dengan tambang sendiri tidaklah dikehendaki pada hari-hari yang berkenaan dengan bilangan pendaftaran tersebut.



BAKAL-bakal haji sedang membuat pembayaran tambang dan bank draft di Jabatan Hal Ehwal Ugama — Gambar oleh Harun Rashid.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 5 Jun, 1985 hingga ke hari Selasa 11 Jun, 1985 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| Jun 5 | 12.25 | 3.44 | 3.45 | 6.34 | 6.35 | 7.46 | 7.47 | 4.51 | 4.37 | 4.52 | 6.05 | 6.06 |
| 6–10 | 12.25 | 3.44 | 3.45 | 6.35 | 6.36 | 7.47 | 7.48 | 4.51 | 4.37 | 4.52 | 6.05 | 6.06 |
| 11 | 12.26 | 3.45 | 3.46 | 6.36 | 6.37 | 7.48 | 7.49 | 4.51 | 4.37 | 4.52 | 6.06 | 6.07 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# Banyakkan membaca Al-Quran di bulan Ramadan

**BERTAKWALAH tuan-tuan kepada Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.**

**Pada saat ini kita sedang memasuki minggu yang kedua di dalam menunaikan ibadat puasa yang diwajibkan ke atas kita di bulan Ramadan yang mubarak ini. Adalah kita harapkan semoga ibadat yang sedang kita tunaikan itu akan diterima oleh Allah Subhanahu Wataala dengan sewajarnya sejajar dengan pahit maung dalam menghadapi lapar dahaga di sepanjang masa tersebut di samping itu agar Allah akan memberikan keupayan kepada kita dalam meneruskan ibadat yang diwajibkan itu sehingga berakhir dengan tidak mendapat apa-apa kekurangan dan kerosakan yang boleh mengurangkan pahalanya.**

### AL-QURAN DITURUNKAN

Adapun bulan ramadan yang mana kita sedang berada di dalamnya pada saat ini, adalah merupakan bulan yang menerima keberkatan dan rahmat daripada Allah serta mengandungi nilai-nilai sejarah penting yang patut menjadi ingatan dan kenangan bagi seluruh umat Islam. Di bulan inilah Allah Taala telah menurunkan kitab suci Al-Quran kepada junjungan ,kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kita semua telah maklum bahawa Al-Quran Al-Karim sebagai pusaka peninggalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada kita, di samping mukjizat utama kerasulan Baginda juga bertindak sebagai salah satu bahan tempat merujuk dan kembali ketika berhadapan dengan masalah-masalah yang boleh mengelirukan kita dari segi hukum ugama dan syariat ugama Islam.

### PUJIAN

Keagungan Al-Quran baik dari segi isi dan susunan kata-katanya telah menerbitkan kata-kata pujian yang indah bukan sahaja dari kalangan cerdek pandai Islam malah juga daripada orang-orang yang bukan Islam kerana dalam kitab suci itu banyak sekali mengandungi rahsia-rahsia ilmiah dan hakikat tabieyah jika ianya dikaji, nescaya ia akan dapat memahami kekuasaan Allah yang menjadikan manusia seluruhnya sebagaimana firman Allah yang bermaksud: *"(Al-Quran ini) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu dan umat mu wahai Muhammad, kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya. Dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar."*




Sayidina Ali bin Talib ada meriwayatkan sebuah hadis yang didengarnya sendiri dari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda: *"saya telah pun mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda : Beberapa fitnah akan terjadi pada akhir zaman nanti, maka saya pun bertanya kepada Baginda : Bagaimana cara hendak menghilangkan diri daripadanya? Baginda lalu menjawab: Dengan banyak membaca kitab Allah (Al-Quran) kerana di dalamnya mengandungi berita-berita yang telah berlalu dan penkhabaran-penkhabaran yang belum kamu lalui dan juga perkhabaran-perkhabaran selepas kamu berada, ini selain dari ianya mengandungi hukum yang boleh dijadikan panduan hidup antara kamu, kandungannya bukan sia-sia sesiapa yang tidak mahu meninggalkan sifat kesombongannya nescaya akan dihancurkan Allah kehidupannya dan sesiapa yang selalu menuntut hidayah (petunjuk) selain dari Allah, nescaya ia akan disesatkan Allah, kerana Al-Quran itu sebagai tali (ugama) Allah yang kukuh, cahayanya yang terang benderang dan merupakan peringatan Allah yang sangat berkesan, meresap ke dalam jiwa manusia yang beriman kepada-Nya, dan ia juga merupakan satu jalan yang lurus yang tidak boleh diselewengkan oleh kehendak hawa nafsu."*

Bersempena dengan bulan Ramadan yang mubarak lagi penuh berkat ini, marilah kita membanyakkan membaca kitab suci Al-Quran serta membanyakkan zikir dengan puji-pujian kepada Allah, dengan adanya cara yang sedemikian itu moga-moga Allah akan memberikan rahmat dan hidayat dunia dan akhirat kepada kita, serta bertambah kukuh lagi keimanan kita kepada Allah dan rasul-Nya serta beramal dengan amalan yang diredai-Nya.

# MENINGGALKAN PUASA TANPA UZUR LEBIH JELEK DARI PENZINA

SYUKUR Alhamdulillah kita telah dapat menghayati datangnya bulan Ramadan pada tahun ini lagi. Ini bererti usia kita telah bertambah lagi. Kita sangat-sangat beruntung kerana kedatangan bulan yang mubarak itu dalam mana ianya merupakan bulan yang paling mulia dari bulan-bulan yang lain. Seperti mana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda sebagai diriwayatkan oleh Ahmad, Nasa'i dan Baihaqi dari Abu Hurairah bermaksud: "Sungguh, telah datang padamu bulan yang penuh berkah, di mana Allah mewajibkan kamu berpuasa di saat dibuka pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka dan dibelenggu syaitan-syaitan dan di mana dijumpai satu malam yang nilainya lebih berharga dari seribu malam, maka barang siapa yang tidak berhasil beroleh kebaikannya sungguh tiadalah ia akan mendapat itu buat selama-lamanya".

Dalam Al-Quran Allah telah berfirman mengenai bulan Ramadan ini seterusnya sebagaimana yang terdapat dalam Surah Al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud: "Bulan Ramadan yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk kepada sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, siapa di antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadan, maka hendaklah ia berpuasa pada bulan itu....". Selaku umat Islam, kita sedia maklum apa yang dituntut dengan puasa itu dan kewajipan-kewajipan yang perlu dilaksanakan berhubung dengannya. Kita tidaklah hendak menghuraikan lebih lanjut mengenai apa ertinya puasa itu dan rukun-rukun mengenainya kerana perkara sedemikian mungkin telah kita maklum sejauh ini, di mana setiap tahun kita diwajibkan berpuasa apabila datangnya bulan tersebut. Tetapi yang akan kita perkatakan pula ialah mengenai ada setengahnya tidak berpuasa tanpa keuzuran yang tertentu. Sedangkan keringanan untuk berbuka puasa hanya ditentukan kepada mereka yang telah ditetapkan oleh syarak iaitu orang-orang gila, orang-orang tua, orang-orang sakit yang tidak ada harapan untuk sembuh, kanak-kanak, musafir, perempuan dalam haids/nifas, perempuan mengandung atau menyusukan anak dan orang-orang yang mempunyai perkerjaan berat, tetapi mereka ini hendaklah pula membayar tebusannya (fidyah) atau qada. Dalam Al-Quran surah Al-Baqarah ayat 184 disebutkan: "Maka sesiapa di antara kamu yang sakit, atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain, dan wajib atas orang-orang yang tidak terdaya berpuasa (kerana tuanya dan sebagainya) membayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin......".)

Dalam hal tersebut apakah sejauh ini ada terdapat masalah sedemikian di kalangan kita dan apakah kita telah mengikutinya atau melaksanakan kehendak yang diwajibkan itu. Apa yang kita kesalkan dalam bulan puasa ini bahawa beberapa penangkapan-penangkapan oleh pihak petugas dalam hal yang berkenaan telah pernah dilakukan, kedapatan adanya orang-orang Islam yang berani makan minum dan merokok ditempat-tempat dan di khalayak ramai. Seolah-olah senghaja mencabar ketegasan hukum pihak yang berwajib, menjadikan satu kebanggaan apa lagi setengahnya dilakukan oleh kumpulan anak-anak muda yang seolah-olah senghaja mahu menunjukkan sikap keegoan dan keberanian mereka, apakah mereka ini manusia yang diwajibkan boleh berbuka oleh syarak, kerana termasuk dalam golongan-golongan yang di sebutkan di atas tadi, atau kerana tidak tahan lapar dan dahaga — akibat "gastric" dan lainnya — dan sehingga mana "gastric" dan penyakit mereka itu tidak tersembuhkan atau apakah cukup dengan melakukan bayaran fidyah untuk selama-lamanya? Seperti yang kita katakan tadi bahawa kita agak maklum yang ketentuan puasa itu mempunyai hukum-hukum serta garis pandu yang telah ditetapkan, dan senghaja melakukan sesuatu yang bertentangan dengannya berertilah juga melanggar hukum tersebut.

Dalam kitab Fikeh Sunnah 3, karangan Sayid Sabiq m.s. 170 disalinkan pendapat Imam Dzahabi, beliau berkata: "Dan bagi kaum mukminin telah menjadi ketetapan bahawa orang yang meninggalkan Puasa Ramadan tanpa sakit, adalah lebih jelek dari penzina dan pemabuk, bahkan mereka meragukan keislamannya dan mencurigainya sebagai zindik dan tanggal dari agamnya".

Begitu besarnya fadilah puas di bulan Ramadan ini, kerana ini merupakan puasa wajib di mana jika sehari kita berbuka tanpa keuzuran tidaklah dapat dibayar atau diqada walau sepanjang tahun pun. Seperti mana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diterima dari Abu Hurairah yang bermaksud: "Siapa yang berbuka pada satu hari dari bulan Ramadan tanpa keringanan yang diberikan Allah padanya, tiadalah akan dapat dibayar puasa sepanjang masa walau dilakukannya".

Maka dari semua apa yang diperkatakan tadi adalah menjelaskan ketegasan Islam dalam rukunnya yang ke empat ini, ketegasan sedemikian akan lebih kukuh dan terpelihara tanpa dapat digaggu-gugut oleh sesiapa pun dengan adanya sikap bertanggung-jawab oleh orang Islam sendiri apa lagi pihak-pihak, yang berkenaan dalam pemerintah. Sesuai dengan negara kita dewasa ini sebagai sebuah negara Islam yang merdeka dan berdaulat yang menjadikan Islam sebagai ideologi negara di mana dasar Melayu Islam Beraja akan tetap kukuh terpelihara, tanpa terpeliharanya Islam di negara kita ini dengan sempurna maka cita-cita kita untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara Islam yang tulen tidak akan tercapai, maka itu masalah yang dianggap kecil oleh segolongan masyarakat Islam yang jika dibiarkan akan menjadi besar seperti sebuah bisul yang akan menjadi barah kepada tubuh manusia. Tindakkan pihak berkenaan dalam menjalankan tugas-tugas demi mengatasi maksiat khususnya penangkapan kepada orang-orang yang tidak berpuasa di kedai-kedai makan/minum dan khalayak ramai adalah sangat-sangat kita banggakan, di mana tindakkan sedemikian melambangkan bahawa kita tegas dalam perundangan Islam, kita berani menumpaskan kemaksiatan dan menundukkan keegoan golongan-golongan yang menganggap mereka orang-orang yang berani itu, kerana tidak ada orang lain yang akan menengakkan kesucian Islam itu melainkan kita umat Islam sendiri dan keislaman kita bukanlah hanya sekadar sebut-sebutan sahaja.

*Menuju keredaan Allah*

# USAHA NIAGA ANAK TEMPATAN DI BULAN PUASA

Oleh Ahat Ismail

Gambar oleh Rabaee Sabli.

BIDANG perniagaan adalah merupakan bidang yang paling banyak diceburi oleh orang kitani apabila saja menjelang bulan Ramadan, dimana sepanjang bulan tersebut kita akan dapati banyak penjaja-penjaja berniaga.

Di Ibu Negara Bandar Seri Begawan terutama di Kawasan Lapang Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien dan Tamu dekat Sungai Kianggeh serta di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas para penjaja sejak awal-awal lagi sudah sebuk melayani setiap pelanggan mereka yang berkeliaran di gerai-gerai memilih bermacam-macam juadah bagi pesungkaian mereka.

Bermacam ragam dan gelagat orang ramai dapat dilihat semasa memilih juadah yang disukai. Tawar menawar dan tanya itu dan ini sentiasa kedengaran daripada pelanggan kepada penjual.

Inilah diantara perkara-perkara yang sering kita dengar dan lihat jika saja tiba bulan Ramadan yang kesemuanya itu menandakan keriangan serta kemeriahan mereka di bulan yang mubarak ini, di samping melakukan ibadat semata-mata bagi mendapatkan ganjaran daripada Allah Subahanahu Wataala.

PELITA BRUNEI ketika membuat tinjuan ke beberapa tempat berjaja baru-baru ini mendapati purata anak-anak tempatanlah yang begitu bergiat menjalankan usaha niaga sepanjang bulan Ramadan ini.

Ada di antara mereka itu mengusahakan perniagaan mereka secara tetap dan mempunyai kantin di beberapa buah jabatan kerajaan, di mana dalam bulan puasa ini mereka tidak menjalankan perniagaan tersebut, sebaliknya berjaja di tempat yang dikhususkan oleh pihak berkuasa. Kebanyakan mereka ketika ditanya memberitahu mereka memperolehi keuntungan yang memuaskan, berbanding dengan harga yang dikenakan ke atas barangan yang mereka perniagakan itu begitu murah lagi berpatutan.

## BERJAJA

Awang Haji Piut bin Gadur yang mempunyai kantin di salah sebuah jabatan kerajaan dan kedai makan di Berakas Perpindahan semada ditemuai di tempatnya berjaja, iaitu di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien menjelaskan bahawa dalam bulan puasa ini beliau memperolehi pendapatan sejumlah antara enam ke tujuh ratus ringgit sehari setakat ini.

"Sepanjang bulan puasa ini jelasnya, kantin dan kedai di Berakas ditutup, bagi menghormati bulan Ramadan. Di sebelah petang begini saya berjaja di dua kawasan iaitu di Tamu dan di sini. Tentang pendapatan pula, sebenarnya tidaklah menentu. Adakalanya untung dan adakalanya pula sebaliknya. Tapi . . . . ., itulah kalau dikira-kirakan adalah antara enam ke tujuh ratus ringgit pendapatan sehari".

Bercakap mengenai perniagaannya di bulan Ramadan ini beliau menyediakan bahan-bahanya kira-kira pukul sepuluh pagi dengan bantuan beberapa orang pekerjanya.

Bagi Dayang Afsah binte Sirin pula dia menyediakan bahan-bahan untuk kuih-muih yang hendak dibuatnya bermula pada pukul lapan pagi dengan bantuna seorang anaknya.

Dia yang beru pertama kali berjaja di tamu berkata, "Memandangkan kakak tidak mempunyai pembantu, maka kakak terpaksalah menyediakan bahan-bahan bagi kuih-muih ini awal sedikit, agar masa yang selebihnya dapat digunakan bagi kegiatan lain".

Di antara kuih-muih yang dijual sepanjang bulan Ramadan ini termasuklah kuih ringan (kuih asli Brunei), pulut panggang, cucur udang, serta berjenis-jenis minuman.

Seorang belia yang berasal dari Gadong, Awang Musa bin Mohammad, sewaktu ditemuai ditempatnya berjaja menyatakan kegiatan berniaga yang dilakukannya di bulan ini merupakan kegiatan sambilan baginya dan perniagaan yang dijalankanya itu adalah kepunyaan emak saudaranya.

Menurutnya, burger dan pais merupakan yang paling laris jualanya di bulan ramadan ini di mana kira-kira dua hingga tiga ratus ringgit keuntungan dapat diperolehi darinya setiap hari.



AWANG Musa sedang 'memanggang' ikan pais yang menurutnya penjualannya begitu laris di bulan puasa ini.



DAYANG Afsah salah seorang wanita yang berjaja di kawasan itu.

## PELANGAN

Selain membuat tinjauan kepada penjaja-penjaja, PELITA BRUNEI juga sempat menemuai tiga orang pelangan yang kebetualan berbelanja di kawasan berjaja di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien.

Encik Hamzah Zainal yang berasal dari Singapura dan bertugas di salah sebuah syarikat swasta di negara ini menyatakan yang beliau lebih gemar membeli jaudah pesungkaian daripada membuatnya sendiri, yang menurutnya lebih menjimatkan wang kerana harga jaudah yang terdapat di bulan Ramadan ini amat berpatutan saja saya membelinya daripada membuat. Masa dapat dijimatkan dan wang pun dapat dijimatkan," ujarnya sambil berjenaka.

Manakala bagi Dayang Sainah dan Dayangku Rosni pula sepandapat bahawa dengan membeli jaudah pesungkaian di kawasan berjaja itu sedikit sebanyak menolong suri-suri rumah yang keluar bekerja, sekali-sekala berkesempatan membeli jaudah pesungkaian mereka bersama keluarga dengan tidak perlu membuat di rumah.

"Sekali-sekala selera puasa ini juga ingin merasakan juadah yang di buat oleh orang lain, maklumlah dalam berpuasa ini apa yang kita nampak akan menimbulkan selera". Jelas mereka.

"Dalam pada itu kebanyakan jaudah yang terdapat di bulan Ramadan ini sungguh menyelerakan dan harga-harga di antara satu gerai dengan gerai yang lain tidak jauh bezanya, cuma rasanya saja berbeza-beza," terang mereka.

Adalah diharapakan bidang niaga yang begitu meluas dan menggalakan di bulan Ramadan ini adalah sebagai pertanda dan titik permulaan bagi anak tempatan untuk menceburi bidang perniagaan dan semogalah usaha-usaha yang dilakukan oleh orang-orang kitani akan berkembang dari semasa kesemasa.



KELIHATAN orang ramai terdiri dari berbagai peringkat dan golongan berpusu-pusu membeli jaudah pasungkaian di kawasan lapang Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin.



AWANG Haji Piut kelihatan sedang meneliti cendul sebelum ianya dijual kepada pelanggan.

# Angka tunjuk meningkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka tunjuk Harga Barang-Barang Pengguna bagi bulan April 1985 ialah 146.3 mata dan ini adalah 0.1 peratus lebih tinggi dari angka tunjuk bagi bula.ı Mac 1985. Jika dibandingkan dengan angka tunjuk bagi bulan April 1984, angka tunjuk bagi bulan ini adalah 3.0 peratus lebih tinggi.

Kenaikan angka tunjuk itu disebabkan oleh kenaikan angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan 'Makanan' dan 'Alat-alat Perabot' 'Perhiasan-perhiasan dan Alat-alat Kelengkapan Rumahtangga serta pemasangan'. Angka tunjuk kumpulan-kumpulan lain masih tetap tidak berubah.

Perkara yang menyebabkan kenaikan angka tunjuk kumpulan 'Makanan' ialah ikan hidup (barah-barahan, ikan merah, temenong, bekalang dan udang kecil), buah-buahan (betik dan limau manis), sayur-sayuran (bayam dan kacang panjang) dan lain lain makanan termasuk barang-barang awetan (bunga lawang).

Sementara perkara yang menyebabkan kenaikan angka tunjuk kumpulan 'Alat-alat Perabot,' 'Perhiasan-perhiasan dan Alat-alat Kelengkapan Rumahtangga serta pemasanganny' ialah barang-barang kegunaan rumahtangga (pembasmi kuman dan bateri kering).

# SEMBAHYANG TARAWIH DAN TEDARUS MENYEMARAKKAN BULAN RAMADAN

Oleh Jaafar Haji Ibrahim
Gambar-gambar oleh
Harun Rashid

ALHAMDULILLAH pada hari ini genaplah 16 hari umat Islam di Negara Brunei Darussalam mengerjakan ibadat puasa di bulan Ramadan.

Dalam menunaikan ibadat puasa itu kita hendaklah meniatkannya semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah Subhanahnu Wataala kerana ibadat puasa itu banyak mengandungi hikmat dan pengajaran yang tinggi nilainya.

Sejak bermulanya puasa yang jatuh pada hari Selasa 21 Mei yang lalu, umat Islam di negara ini mengadakan berbagai-bagai majlis yang bercorak keugamaan.

Majlis bertedarus dan sembahyang tarawih adalah yang paling nyata dan mengambil tempat di bulan mulia ini. Kedua-dua majlis tersebut seringkali berlaku apabila sahaja tiba bulan puasa dan ianya menandakan dan sekaligus memeriahkan dan menyemarakan lagi suasana Ramadan.

**BERGEMA**

Masjid-masjid, surau-surau, rumah-rumah ibadat dan rumah-rumah perseorangan di seluruh negara apabila sahaja selesai sembahyang Fardu Isyak akan bergemalah suara umat Islam memuja dan memuji kebesaran Allah Subhanahu Wataala.

Kegemaan suara-suara merdu itu bukan sahaja kedengaran di bandar-bandar sahaja malahan telah menjalar ke daerah-daerah pedalaman yang jauh dari segi perhubungan.

Kedua-dua ibadat berkenaan bukan sahaja diambil bahagian oleh pegawai-pegawai masjid sahaja malahan pertubuhan-pertubuhan belia dan kebajikan serta jabatan-jabatan Kerajaan dan penuntut-penuntut sekolah turut serta mengadakan majlis seumpama itu.

**GOLONGAN**

Di sepanjang bulan Ramadan inilah kelihatan oleh kita, umat Islam yang terdiri dari berbagai-bagai golongan dan peringkat masyarakat iaitu dari kanak-kanak membawa kepada orang-orang tua berduyun-duyun pergi ke masjid-masjid, surau-surau dan rumah-rumah ibadat yang berdekatan dengan tempat tinggal mereka.

Kenyataan seumpama itulah menjadikan negara kita disanjung tinggi oleh negara-negara lain disebabkan perkembangan ugama yang begitu meluas. Hal ini kita lakukan adalah semata-mata bagi mencapai hasrat dan cita-cita Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap lagi rapus di negara ini.

Pada keseluruhannya bulan Ramadan telah menjadikan belia-belia kita yang masih di bangku sekolah terdorong dan terperangsang untuk sama-sama menyemarakan dan memeriahkan lagi bulan yang penuh mulia ini. Golongan seperti mereka inilah yang paling ramai membanjiri masjid-masjid dan surau-surau.



SEBAHAGIAN dari para jemaah yang menghadirkan diri bersembahyang tarawih ketika mengaminkan doa.



SELESAI sahaja bersembahyang Isyak dan tarawih maka akan kedengaran pula suara-suara mengalun dalam majlis bertedarus.




GERAI pameran Negara Brunei Darussalam di Komplek Arena Sultan Sharif Abdul Rahman, Pontianak, Kalimantan Barat, Republik Indonesia. Gambar ihsan Pusat Sejarah.

# BRUNEI SERTAI PAMERAN PERKEMBANGAN ISLAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Buat julung-julung kalinya Negara Brunei Darussalam telah diundang oleh pemerintah Indonesia bagi menyertai Pameran Perkembangan Islam dalam Rangka Musabaqah Tilawatil Quran Nasional ke-14 yang telah berlangsung di Pontianak, Kalimantan Barat, Republik Indonesia.

Pameran Perkembangan Islam itu telah diadakan selama sepuluh hari dan telah dibuka rasmi oleh Tuan Yang Terutama Presiden Suharto, Presiden Republik Indonesia, pada 3 Mei, 1985 bertempat di Komplek Arena Sukan Sharif Abdul Rahman, Pontianak, Kalimantan Barat, Republik Indonesia dan dihadiri oleh Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Pengiran Dato Haji Jeludin bin Pengiran Limbang.

Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Pejabat Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayan Belia dan Sukan yang telah menghantar dua orang pegawainya yang terdiri daripada Pengiran Omar bin Pengiran Mohd. Salleh Pegawai Penghias Pameran dan Awang Yaakob bin Haji Mohd Yassin, Pegawai Penyelidik, bagi mengendalikan pameran tersebut.

Di pameran itu Negara Brunei Darussalam telah mempamerkan modal-modal yang mencatatkan kesan-kesan sejarah perkembangan Islam di Brunei pada masa lalu serta gambar-gambar serta buku-buku yang berhubung dengan perkembangan ugama Islam pada masa lalu dan masa kini yang kebanyakannya disumbangkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei untuk pameran tersebut.

Menurut Awang Yaakob, inilah buat pertama kalinya Negara Brunei Darussalam diundang untuk menyertai pameran mengenai dengan perkembangan Islam di luar negeri. Beliau memberitahu, gerai pameran Brunei telah mendapat sambutan dan menjadi tumpuan ramai, kerana mereka kagum mengenai dengan perkembangan Ugama Islam di Brunei lebih pesat berbanding dengan negara-negara lain di rantau sebelah sini.

Sebab-sebab lain lagi katanya, ialah bahawa Negara Brunei Darussalam yang baru saja mengecap kemerdekaan penuh lagi berdaulat telah muncul di arena antarabangsa sebagai sebuah negara Islam yang tulen yang menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap.

Selain Negara Brunei Darussalam, pameran ini juga disertai oleh Malaysia yang diwakili oleh Sabah.



PENGIRAN Omar bin Pengiran Mohd Salleh salah seorang wakil Brunei Darussalam ketika menerima sijil penghargaan (PIAGAM) daripada Gabenor Kepala Daerah Tingkat I Kalimantan Barat, H. Soedjiman. Gambar ihsan Pusat Sejarah.

## *Pengecualian perkhidmatan jurupandu:*

# *KAUM PERKAPALAN BOLEH MEMOHON*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan memaklumkan kepada kaum perkapalan bahawa pengecualian dari menggunakan perkhidmatan pemanduan di Pelabuhan Muara boleh dipohonkan bagi kapal-kapal berikut:

i Kapal-kapal yang tidak lebih 46 meter (150 kaki) panjang tetapi tidak merapat ke dermaga.

ii Kapal-kapal di antara 46 meter (150 kaki) dan 76 meter (250 kaki) panjang yang diketuai oleh seorang nakhoda yang berkelayakan dan telah melalui sekurang-kurangnya 10 kali belayar masuk ke Pelabuhan Muara tetapi tidak merapat ke dermaga.

Menurut kenyataan itu lagi, bagi kapal-kapal yang lebih 76 meter (250 kaki) panjang dimestikan menggunakan jurupandu sama ada merapat atau tidak ke dermaga.

Borang permohonan bagi mendapatkan pengecualian boleh didapati dari Pejabat Perkapalan di Muara atau di Bandar Seri Begawan dan satu surat pengecualian akan dikeluarkan untuk ditaruh di atas kapal.

Sementara itu bayaran sebanyak $20.00 akan dikenakan bagi setiap pengecualian.

Jabatan Laut juga mengingatkan bahawa pemilik-pemilik atau ejen kapal-kapal adalah diberi tempoh sehingga esok (30 Mei 1985) untuk membuat permohonan bagi setiap kapal selepas mana Jabatan Laut akan mengadakan pemeriksaan ke atas kapal-kapal yang masuk ke Pelabuhan Muara untuk mempastikan aturan mengenai penggunaan perkhidmatan pemandu ini dipatuhi.

# rtb/Intisari minggu ini

*Radio Minggu Ini:*

## NUZUL AL-QURAN

NUZUL Al-Quran begitulah kedatangannya kita ingati pada setiap tanggal 17 Ramadan, dan disetiap itulah juga mengingatkan kepada kita umat Islam akan detik dan peristiwa yang telah pun dilalui oleh Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam dalam menerima wahyu yang pertama di saat malam 17 Ramadan ini.

Di negara kita Brunei Darussalam pada setiap tanggal tarikh tersebut sudah semestinya tidak akan tertinggal dalam mengendalikan beberapa jenis upacara sambutan keugamaan yang radio sendiri di dalamnya tidak akan terlepas memberikan perananya ke arah penyebaran dakwah Islamiah dalam bentuk siaran dan penyiaran di tanahair kita ini.

Radio selaku fungsinya sebagai media penyiar itu akan terus bersemarak dalam mengkeudarakan apa juga bentuk perancangan yang difikirkan oleh radio selaras dan selari dengan kehendak masa dan zamannya.

Ketika ini radio sering bersehubung dengan suasana keugamaan yang kalau pendengar amat-amati dan hayati ianya benar-benar memberikan bimbingan, pimpinan dan pengajaran yang khusus dalam soal keugamaan. Umpamanya pendengar masih terasa kurang mengetahui dan memahami atau masih ragu-ragu tentang seluk-beluk bab puasa dan apa-apa juga yang sehubungan dengannya itu, sudah pasti sedikit sebanyak akan dapat menampung apa jua kekurangan yang awda pendengar hadapi itu.

Cuma dengan satu syarat sahaja iaitu awda pendengar sendiri benar-benar menghayati dan penuh penghayatan akan isi rancangan yang telah pun sedia ada disajikan oleh radio itu pada waktu siaran yang telah pun ditetapkan menurut putaran mingguan radio dewasa ini. Bak kata sesingkat waktu di bulan Ramadan yang mulia ini bab puasa adalah muthlak di sepanjang bulan Ramadan ini. Hayatilah dengan sesungguhnya, Insya Allah awda akan terasa kemanfaatannya.

Jadi dalam hal ini, sempena kita memperingati peristiwa Nuzul Al-Quran ini radio dan segala isi yang membuat perutusan di dalamnya akan sentiasa berdoa moga-moga para pendengar, peminat dan juga pihak perancang radio sendiri akan sentiasa diberikan petunjuk dan hidayat dari Allah Subhanahu Wataala jua sampai bila-bila dalam menuju kearah kesempurnaan hidup di dunia dan di akhirat, Amin Ya Rabbul Alamin.



MINGGU ini menerusi TETAMU RADIO penerbit rancangan akan menemubual seorang pelakon teater dan fi.em Indonesia Saudara Erlangga Rosso. Rancangan ini disiarkan pada hari Ahad 9 Jun, jam 4.30 petang. Ulangannya akan ke udara pada hari Rabu jam 2.00 petang. Rancangan diterbitkan oleh Helen Thu.

## Peserta Dari Pendengar Untuk Pendengar



DAYANG Norhaslina Haji Asmat yang beralamat No. 25 Kampong Orang Kaya Besar Imas, Berakas ialah peserta yang akan mengisikan rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar keluaran minggu ini dan siarannya akan dapat diikuti pada hari Selasa 11 Jun 1985 jam 4.00 petang.

## *'ANGAH KADIR' tajuk sandiwara radio minggu ini*

SANDIWARA radio yang berjudul "ANGAH KADIR," tulisan A. Mohammad Timbang, Negara Brunei Darussalam kali ini mengisahkan tentang penderitaan seorang tua yang menjadi tajuk cerita ini.

Penderitaan yang dialaminya sejak usianya masih muda lagi itu tersingkap semula apabila Royani, anak gadis yang dalam peliharaannya sejak kecil lagi, hendak berkahwin dengan Cikgu Sulong, pemuda pilihannya sendiri.

Kisah semasa mudanya agak menarik. Di mana dia adalah tergolong dalam bilangan pemuda-pemuda yang kacak ketika itu. Tambahan lagi ia mempunyai keistimewaan kerana pandai menyanyi. Itulah yang membuatkan ia menjadi rebutan gadis-gadis di tempatnya.

Dari banyak gadis-gadis itu, Nurilah yang bertuah dapat memenangi hatinya. Kemudiannya mereka pun ditunangkan. Menjelang hari perkahwinannya, Angah Kadir sedaya-upaya berusaha untuk mendapatkan rezeki bagi perbelanjaan hari persandingannya. Satu hari, ketika ia sedang mengambil kayu bakau, ia mendapat kemalangan yang mengerikan. Kakinya digigit buaya dan menyebabkan ia menjadi kudung.

Setelah ia menjadi cacat, Nuri pula bertukar haluan. Akhirnya pertunangan mereka diputuskan. Kerana terlalu menderita, Angah Kadir pun membawa diri dan menetap di kampung lain.

Dua tahun berlalu, tiba-tiba Nuri muncul lagi dalam hidup Angah Kadir, setelah ia cuba melupakannya. Kedatangannya berhajat meminta perlindungan dari Angah Kadir, lebih-lebih lagi dalam keadaannya yang sedang berbadan dua akibat perbuatan seorang asing yang tidak bertanggungjawab. Anak itulah Royani yang dipeliharanya sehingga besar.

Bagaimanakah keadaan Royani menerima hakikat ini? Ikutilah siarannya nanti pada 9 Jun, 1985 jam 11.15 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dk. Maskupah Pg. Tajuddin.

### Resipi Minggu Ini:

## *Sambal Tumis Touchu Udang Galah*

BAHAN-BAHANNYA :—

- 2 kati udang galah
- 1 botol touchu
- 30 biji lada kering
- 10 biji bawang merah
- 2 inci halia
- 4 biji bawang putih
- 2 biji bawang besar
- ½ biji kelapa ambil 1 gelas santannya
- sedikit belacan
- asam jawa sebesar telur ayam
- 2 biji lada merah
- 2 biji lada hijau.

UNTUK PENUMISNYA :—

- 1 gelas minyak makan
- 4 biji bawang merah dimayang
- 4 sudu gula
- garam dan serbuk perasa secukupnya.

CARA MEMBUATNYA :—

Lada kering, bawang merah, bawang putih dan halia dikisar halus. Touchu dicuci dan goreng kemudian ditumbuk halus, asam jawa diambil airnya, bawang besar dipotong kecil, lada hijiu dan lada merah dipotong.

Udang galah dibersihkan dan dipotong kemudian digoreng hingga kuning.

CARA MEMASAKNYA :—

Jarangkan kuali apabila panas tuangkan minyak makan dan tumiskan garam dan bawang merah kacau rata-rata hingga kuning kemudian masukkan rempah yang dikisar tadi dan kacau hingga kering masukkan air asam jawa dan santan kacau rata-rata hingga pekat masukkan bawang besar, lada dan udang galah, gula dan serbuk perasa kacau rata-rata lebih kurang 5 minit dapatlah diangkat.

## Rancangan TVP cuti persekolahan bulan Puasa

**Isnin 10 Jun**

PAGI

9.03 THE EASY WAY (Rancangan Pertama) — ulangan —
(Face Decoration) (Face Decoratons) — ulangan —

9.42 ALAM PERMAI (Diri Saya) — ulangan —

10.04 THE SONG BAG (This Old Man) — ulangan —

10.18 ONCE UPON A TIME) (The Lion and The Mouse) — ulangan —

**Selasa 11 Jun**

PAGI

9.03 THE EASY WAY (Rancangan Kedua) — ulangan —

9.27 THE ART CHEST (Paper Tearing) — ulangan —

9.41 ALAM PERMAI (Rumah) — ulangan —

10.04 THE SONG BAG (Little Seed) — ulangan —

10.18 ONCE UPON A TIME (The Dog and The Shadow) — ulangan —

**Rabu 12 Jun**

PAGI

9.03 THE EASY WAY (Rancangan Ketiga) — ulangan —

9.29 THE ART CHEST (Like Van Gogh) — ulangan —

9.43 ALAM PERMAI (Keperluan Harian) — ulangan —

10.06 THE SONG BAG (Punchinello) — ulangan —

10.20 ONCE UPON A TIME (Slow and Steady Wins The Race) — ulangan —

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 5 JUN

PETANG

2.30 PEMBUKAAN
2.32 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.42 SUSUNAN RANCANGAN
2.45 PESTA SUKAN MERDEKA
4.00 WOOLLY VALLEY
4.10 WILD KINGDOM : 'Operation Rescue' Bhg 2.
4.40 FAMILY TIES : "Love Thy Neighbour"
5.10 SUPERFRIENDS
5.40 TEKA TEPAT
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT — sambungan
6.25 CERITA/CERAMAH MENJELANG SUNGKAI
6.35 BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.45 SELINGAN — AL-QURAN/NASYID

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 REMINGTON STEELE : "Molten Steele"
Emily Dumont, seorang ternama dalam masyarakatnya, mengupah Luara dan Remington untuk mendapatkan orang yang telah memasukkan nama dan nombor telefonnya ke dalam sebuah majalah lucah
7.47 AZAN ISYAK
7.51 REMINGTON STEELE sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 BRUNEI INDAH : "Daerah Brunei-Muara" (ulangan)
9.35 HUNTER : "Hard Contract"
10.35 BUFFALO BILL.
11.05 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 6 JUN

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN BAGI JABATAN-JABATAN KERAJAAN YANG BERPAKAIAN SERAGAM KALI KESEMBILAN.
12.25 AZAN ZUHUR
12.29 MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN — sambungan
1.20 PESTA SUKAN MERDEKA

PETANG

2.20 MGM CARTOON
2.40 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA : "Anak Yatim"
3.45 AZAN ASAR
3.50 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA — sambungan
4.25 FAT ALBERT AND COSBY KIDS
4.50 WORLD ALIVE : "The Secret Life Of Polecat"
5.20 A WHOLE WORLD OF CHILDREN: "U.S.A. : Zambia"
5.50 NADASARI
6.00 BERITA AWAL
6.05 NADASARI — sambungan
6.25 CERAMAH/CERITA MENJELANG SUNGKAI
6.36 BEDUK / AZAN MAGHRIB
6.46 SELINGAN — AL-QURAN/NASYID

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FINDER OF LOST LOVERS : "Pilot" Bhg. I
Tayangan ini mengenalkan siri rancangan yang mempaparkan satu aspek urusniaga yang pengusahanya mencari pihak terpisah supaya dapat dipertemukan kembali.
7.48 AZAN ISYAK
7.52 FINDER OF LOST LOVES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 PERUTUSAN NUZUL AL-QURAN
8.45 HIDAYAT
9.15 DUNIA MINGGU INI
9.45 GLITTER
10.50 WAYNE AND SHUSTER : "The Last Of Mohicans"
11.20 TAYANGAN GAMBAR : "Mae West"
1.00 SIARAN TAMAT

## HARI JUMAAT 7 JUN

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN.

PETANG

1.20 THE YEARLING : "Wolf Trap"
1.45 THAT'S INCREDIBLE
2.15 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
2.40 MIANI MIATU
3.10 WEBSTER
3.30 WORLD OF SPORTS
3.45 AZAN ASAR
3.49 WORLD OF SPORTS — sambungan
4.20 THE SECRET RAILROAD
4.40 PROFILES OF NATURE : "The Hearing Gull"
Sejenis burung bergelar "burung camar" yang boleh memberi alamat kepada kecemaran sekeliling.
5.10 TOWARDS 2000
5.40 TEKA TEPAT
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT — sambungan
6.25 CERAMAH/CERITA MENJELANG SUNGKAI
6.36 BEDUK / AZAN MAGHRIB
6.46 SELINGAN — AL-QURAN/NASYID

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIRI 'V' : "The Hero"
7.48 AZAN ISYAK
7.52 SIRI 'V' — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 DRAMA
10.00 MAGNUM : "The Love-For-Sale Boat"
Rick menjadi sasaran lagi kepada skim Mac yang boleh membahayakan nyawa orang lain. Kali ini Mac memujuk Rick untuk membeli sebuah bot mewah yang bukan kepunyaannya. Terlibat dalam per'aksanaannya ialah empat orang wanita geisha.
10.55 DALLAS : "Winds Of War"
Jamie meninggalkan Southfork. Kebenciannya terhadap J.R. membuatnya bergabung dengan Cliff dan menjauhkan diri dari Sue Ellen.
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 8 JUN

PETANG

3.45 PEMBUKAAN
3.47 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
3.57 SUSUNAN RANCANGAN
4.00 SESAME STREET
5.00 DUNGEONS AND DRAGONS : "The Treasure Of Trados"
5.30 RAINBOW : "Winter C'othes"
Bungle belajar tentang baju di musim sejuk. Roy Skelton menceritakan bagaimana Thomas berpakaian untuk keluar di hari sejuk.
6.00 BERITA AWAL
6.05 I DREAM OF JEANNE : "Never Put A Genie On A Budget"
Tindakan Jeannie untuk berjimat nyaris membuat Tony kehilangan pekerjaannya.
6.25 CERAMAH/CERITA MENJELANG SUNGKAI
6.36 BEDUK / AZAN MAGHRIB
6.46 SELINGAN — AL-QURAN/NASYID

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 KNIGHT RIDER : "Knight Strike"
7.48 AZAN ISYAK
7.52 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA / MELAYU
10.35 TAYANGAN GAMBAR AKHIR : "Midnight Offerings"
Perkumpulan ilmu sihir anak-anak muda belasan tahun menimbulkan pertelingkahan di antara mereka terhadap yang baik dan jahat. Pelakon-pelakon: Rod Homcomb, Melissa Sue Anderson, Mary McDonough, Patrick McCassidy dan lain-lain.
12.05 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 9 JUN

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 THE MAGIC OF DAVID COPPERFIELD
12.25 AZAN ZUHUR
12.29 THE MAGIC OF DAVID COPPERFIELD — sambungan
12.40 TAYANGAN GAMBAR : "Johnny Dark"

PETANG

2.10 SUPERGRAN : "Supergran And The Pearl Of Pinnell's End"
Supergran terpaksa menggunakan segala kuasanya untuk menentang The Scunner yang boleh menghilangkan dirinya untuk mencuri mutiara Pinnell's End.
2.40 PINK PANTHER, AND AND AARDVARK
3.10 BILL COSBY SHOW
3.35 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT
3.45 AZAN ASAR
3.49 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT — sambungan
4.10 SCIENCE AND SOCIETY
4.40 THE PRESTIGE : "Shopping Bag Lady"
Lokasinya di Manhattan Central Park, New York. Kisah perjumpaan seorang gadis belasan tahun dengan seorang wanita yang tidak mempunyai tempat tinggal dan membawa barang-barang dalam shopping bag.
5.10 MR T : "Mystery Of The Rocky Mountain Express"
5.40 CHARLES IN CHARGE : "Accidental Puppy"
Jason ter'anggar seekor anjing dengan basikalnya dan membawanya ke rumah mereka. Charles membenarkan hanya setelah mengetahui siapa tuan punyanya.
6.00 BERITA AWAL
6.05 CHARLES IN CHARGE — sambungan
6.25 CERITA/CERAMAH MENJELANG SUNGKAI
6.36 BEDUK / AZAN MAGHRIB
6.46 SELINGAN — AL-QURAN/NASYID

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 COVER UP
7.48 AZAN ISYAK
7.52 COVER UP — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 MUTIARA
9.25 SPICE OF LIFE: "India — Spices of India"
9.50 IT TAKES TWO
10.20 GOLDEN GIRL Bhg 3
11.10 FOX MYSTERY THEATRE Bhg 1.
11.55 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 10 JUN

PETANG

2.30 PEMBUKAAN
3.32 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.42 SUSUNAN RANCANGAN
2.45 PESTA SUKAN MERDEKA
4.00 THE SMURFS : "Once In A Blue Moon"
4.20 NEW SCOOBY DOO MYSTERIES
4.50 HORIZON : "Killer In The Village"
5.40 TEKA TEPAT
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT — sambungan
6.25 CERITA/CERAMAH MENJELANG SUNGKAI
6.36 BEDUK / AZAN MAGHRIB
6.46 SELINGAN — AL-QURAN/NASYID



MEREKA, ikut jam, Deborah Adair, Richard Kantor, Anne Jeffreys dan Tony Franciosa akan dapat awda saksikan dalam satu siri baru, FINDER OF LOST LOVES bermula Khamis esok kira-kira jam 7.20 malam.

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SCARECROW AND MRS KING : "The Time They Are A Changin'"
Lee dan Amanda menghadapi tugas untuk membawa balik seorang tawanan di Munich dan mengelakkan pembunuhan ke atasnya sebelum terlambat.
7.48 AZAN ISYAK
7.52 SCARECROW AND MRS KING — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK : "Sambal Tumis Taucu Udang Galah"
Resipinya ada dimuatkan di muka lain akhbar ini.
9.30 DOCUMENTARY: OUT OF FIERY FURNACE
"The Revolution Of Necessity"
Industrial Revolution bermula kerana Eropah menghadapi krisis kekurangan bekalan kayu sebagai satu a'at tenaga — maka timbulnya revolusi keperluan — the revolution of necessity.
10.30 FALCON CREST : "Suitable For Farming"
11.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 11 JUN

PETANG

2.30 PEMBUKAAN
3.32 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.42 SUSUNAN RANCANGAN
2.45 PESTA SUKAN MERDEKA
4.00 VOYAGES OF DR DOOLITTLE : "Luke The Hermit"
Selepas beberapa bulan bekerja keras akhirnya pelombong-pelombong Sam, Mendoza dan Bil bertemu emas.
4.30 WORLD OF SURVIVAL : "Grass Roots Tiger"
5.00 THE WIND IN THE WILLOWS : "The Great Steamer"
5.30 NOVA : "Aging: Methuselah Syndrome"
6.00 BERITA AWAL
6.05 NOVA — sambungan
6.20 CERAMAH/CERITA MENJELANG SUNGKAI
6.37 BEDUK / AZAN MAGHRIB
6.47 SELINGAN — AL-QURAN/NASYID

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HOTEL
7.49 AZAN ISYAK
7.53 HOTEL — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 TRADITIONAL WORLD OF ISLAM : "Man And Nature"
9.45 REKASENI
10.05 DYNASTY : "Reconciliation"
Amanda dan Prince Michael rujuk semula dan meneruskan perkahwinan mereka.
11.00 POT BLACK '84
11.30 SIARAN TAMAT.

Belia yang sihat

# PENANAMAN MODAL JANGKA PANJANG

**BETULKAH golongan belia yang sihat bakal pewaris bijaksana di masa akan datang. Sememangnya peranan aktif mereka dalam setiap pembangunan dengan kesihatan mental, fisik serta sosial dalam memantapkan pertumbuhan satu bangsa yang berwibawa adalah penanaman modal jangka panjang yang menguntungkan sesebuah negara.**

**PENGANGGURAN berpanjangan akan mendedahkan para belia kepada pelbagai cabaran seperti menyalahgunakan dadah, anti sosial dan anti susila negara yang secara tidak langsung memusnahkan nilai potensi para belia.**

Oleh Mohd Salleh b Abd Latif

7 April, 1985

HARI Kesihatan Sedunia jatuh pada 7 April 1985, dengan hari ini genaplah sudah hari itu berlalu sebulan tetapi lanjutannya masih lagi ada kerana tema asas kesihatan ditumpukan perhatian kepada belia, dan kebetulan tahun 1985 dijadikan tahun belia antarabangsa.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) cuba menghubungkaitkan para belia dengan masalah kesihatan, termasuklah persoalan-persoalan yang dihadapi oleh para belia kerana menurut Dr. Hiroshi Nakajima, Pengarah Serantau Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi Pasifik Barat dalam perutusannya antara lain mengatakan, "Belia hari ini dapat dengan hebatnya menyumbangkan kepada pembaikan keadaan ini — dengan giat menyertai aturcara-aturcara kesihatan sekolah, dengan cara menggalakkan tabiat-tabiat sihat, dengan cara menggunakan masa dan tenaga mereka untuk rancangan-rancangan kesihatan masyarakat yang mustahak dan dengan mewujudkan cara-cara hidup sihat sebaik saja mereka mendirikan rumahtangga.'

## Sumber Kita Yang Terbaik

Tema Hari Kesihatan Sedunia ialah "Belia Sihat, Sumber Kita Yang Terbaik" seakan suatu cabaran, betulkah belia itu golongan yang sihat, yang bakal menjadi perwaris bijaksana di masa yang akan datang.

Suatu jangka waktu yang amat berharga bagi setiap manusia ialah sewaktu muda belia. Menurut riwayat Al-Hakim dan Al Baihaki daripada Ibnu Abbas bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang bermaksud: "Rebutlah lima perkara sebelum tiba lima perkara: masa engkau hidup sebelum mati, masa engkau sihat sebelum sakit, masa engkau lapang sebelum sibuk, masa engkau muda belia sebelum tua, dan masa engkau kaya sebelum miskin."

Daripada hadis tersebut, terdapat salah satu penekanan terhadap alam remaja iaitu berhubung dengan penggunaan sebaik-baik serta sebijak-bijaknya usia muda belia sebelum tua. Di samping itu ditekankan jua perlunya mempergunakan kesihatan yang sedang dinikmati itu untuk kebajikan semua.

## Konflik

30 peratus dari penduduk dunia ini tergolong kepada belia yang berumur 10 hingga 24 tahun, suatu terminologi yang digunakan untuk mentakrifkan golongan belia (10 — 24 tahun). Masalah yang dihadapi seakan serupa oleh setiap negara kerana golongan ini bukan kanak-kanak lagi dan juga belum dikatakan dewasa. Tekanan-tekanan perasaan inilah yang mendorong mereka untuk menghadapi konflik untuk berdikari tapi masih perlukan bimbingan keluarga.

Konflik di kalangan belia itu agak berlainan tetapi suasananya masih tidak berbeza kerana kita yakin, susahnya peralihan itulah yang menentukan corak masa depan mereka. Sebahagian besarnya diletakkan kepada pendidikan ibu bapa namun mengasuh anak semata-mata belum memadai bagi mengatasi konflik tersebut. Diperlukan teknik pendekatan yang bijaksana dalam hal ini lingkungan keluarga yang harmoni serta penampilan kasih sayang mempengaruhi proses perkembangan yang sihat dari segi fizikal, mental serta sosial. Kemudian lingkungan sosial budaya juga adalah salah satu faktor yang mempengaruhi konflik itu kerana dalam ruang inilah belia-belia itu bergaul antara satu dengan yang lain.

## As-habul Kahfi

Allah Subhanahu Wataala ada mengabdikan perkataan belia dengan membawa kisah perjuangan mereka, ini terkandung dalam Suratul Kahfi ayat 13 yang bermaksud, "Kami (Allah) ceritakan kepada engkau cerita mereka dengan sebenar-benarnya, sesungguhnya mereka itu adalah belia-belia yang beriman kepada Tuhan mereka, dan Kami (Allah) tambahi mereka dengan petunjuk."

Kisah belia-belia As-habul Kahfi ini menceritakan mereka yang berlindung dan bersembunyi di dalam gua kerana menyelamatkan ugama mereka yang berasaskan Allah, dan sikap belia-belia dalam berugama itu mempunyai nilai yang sungguh tinggi dan wajar dijadikan contoh oleh belia-belia Islam.

Kemunculan tekanan-tekanan cara hidup hari ini cukup mendedahkan para belia kepada pelbagai bahaya-bahaya, baik bahaya-bahaya yang dicipta oleh manusia sendiri mahupun bahaya yang disenghajakan.

## Nilai Potensi

Kaum belia merupakan nilai potensi yang cukup berharga kerana darinya timbul gagasan-gagasan pengerak serta imaginasi keriatif yang menjadi ciri tersendiri kaum belia itu. Semuanya ini memerlukan saluran-saluran yang sempurna dalam memelihara serta melindungi diri mereka dari pengaruh serta anasir-anasir yang boleh merosakan fikiran, seterusnya meredupkan masa depan mereka.

Peranan aktif mereka dalam setiap pembangunan, kegiatan mental, fizikal serta sosial dalam memantapkan pertumbuhan satu bangsa yang berwibawa adalah merupakan penanaman modal jangka panjang yang begitu menguntungkan sesebuah negara.

Penglibatan belia-belia ke jurusan-jurusan lain, jurusan-jurusan yang membahayakan diri sendiri, mengganggguan ketenteraman masyarakat dan sebagainya secara tidak lansung turut memusnahkan nilai potensi belia yang cukup berharga itu. Walhal golongan belia itu dipandang sebagai istimewa kerana kelakuannya yang tidak gentar terhadap pelbagai penyakit.

## Intelektual

Kalangan intelektual pada setiap negara di dunia ini, tidak dapat dinafikan, terdiri dari kaum belia. Di negara-negara industri, mereka yang menduduki bangku sekolah kebanyakannya kaum belia iaitu sekitar 80 peratus. Dua dekad kebelakangan ini, di negara-negara membangun pula, jumlah kaum belia memasuki sekolah meningkat dua kali ganda, suatu pertanda bahawa mereka ini adalah harta bergerak yang terpendam .

Namun kenyataan yang menggembirakan ini rupanya tidak meriangkan dunia kerana menurut Dr. Hiroshi Nakajima dalam perutusannya sempena Hari Kesihatan Sedunia mengatakan, "Penyalahgunaan dadah di kalangan belia merupakan tragedi besar dan mungkin belia merupakan golongan terbesar yang teraniaya oleh penyalahgunaan minuman keras. Dalam kebanyakan negara di rantau ini, dianggarkan separuh daripada semua kemalangan lalulintas ada kaitannya dengan penyalahgunaan minuman keras, dan lebih separuh daripada semua kematian di kalangan belia adalah disebabkan kemalangan lalulintas dan lain-lain kemalangan lagi," ironisnya panorama ini!

## Masalah Bersama

Penyalahgunaan dadah, minuman keras, kematian kerana kemalangan dan juga pengangguran di samping penghijrahan para belia ke kota (dalam lima buah negara, 80 peratus tinggal di kawasan bandar dan dalam enam buah negara lain, 80 peratus tinggal di kawasan luar bandar) adalah antara masalah bersama yang ditimbulkan di abad kedua puluh ini.

Masalah ini begitu mencemaskan dan cukup kuat untuk menarik perhatian semua pihak kerana hal ini tidak mudah untuk dihindarkan. Di negara jiran kita dianggarkan lebih 100,000 para belia terjerumus ke dalam penyalahgunaan dadah hinggakan diadakan kempen secara besar-besaran dalam memerangi dadah. Kalau selama ini negara berkenaan hanya menganggap idelogi kominis musuh utama negara tetapi dewasa ini dadah adalah juga musuh utama negara berkenaan.

Kemajuan zaman dan kepesatan teknologi menempatkan kita kepada ruang yang samar-samar dan secara tidak langsung ataupun secara sedar mendedahkan para belia kepada alam pemikirannya saling berbeza, berfikir secara moden dan berfikir cara tradisional.

Masalah ini bukan lagi masalah perseorangan, malah sudah menjadi masalah bersama kerana abad dua puluh ini telah mendedahkan kita kepada keadaan yang tidak selamat. Setiap ruang mencemaskan dan bersedia untuk mengancam siapa saja.

## Cabaran

Kaum belia di dunia ini juga diancam oleh kematian kerana kemalangan serta bunuh diri. Kebanyakan para belia yang meninggal dunia lebih awal bukan kerana penyakit, tetapi disebabkan oleh kemalangan lalulintas.

Dibanding dengan golongan lain, para belia gemar mengambil risiko yang lebih tinggi.

Pengangguran berpanjangan juga mendedahkan para belia itu kepada pelbagai cabaran zaman. Mendedahkan mereka kepada penyalahgunaan dadah, bercampur dengan mereka yang anti sosial, anti susila dan sebagainya, lalu perasaan begitu gelisah kemudian memungkinkan mereka untuk mengambil jalan mudah dari menghadapi terus tekanan hidup — bunuh diri.

Dari tahun ke tahun pengangguran di kalangan para belia kian meningkat di dunia ini. Cabaran-cabaran ini tambah meresahkan pemikiran belia yang pada kenyataannya sedang menghadapi tekanan hidup, yang pendiriannya belum menentu. Kemudian ditambah pula dengan penghijrahan para belia ke kota-kota tanpa memiliki bekalan apa selain dari keinginan untuk berdikari, terlepas dari kongkongan keluarga. Cabaran-cabaran serupa ini memperbesarkan kebimbangan serta kecemasan mereka.

## Sebagai Contoh

Memang diakui bahawa kaum belia itu adalah golongan yang sentiasa bimbang dalam arus kemajuan ini tetapi amatlah penting bagi mereka berusaha menjadikan diri mereka itu sebagai contoh hidup yang amat baik untuk generasi yang akan datang. Dan bagi belia-belia kita terutama belia-belia Islam pentingnya memelihara serta melindungi diri dari anasir-anasir yang boleh merosakan fikiran dan kepercayaan keislaman mereka.

Belia-belia kita mestilah berusaha menambahkan ilmu pengetahuan dan memperdalamkan kesedaran berugama agar belia-belia kita tidak menjadi mangsa kepada cabaran-cabaran sumbangan yang ditimbulkan di abad kedua puluh ini.

Hari Kesihatan Sedunia mencabar kita untuk menilai masalah yang ada dalam kehidupan kita, sebagai suatu tanggapan dalam suasana kehidupan bernegara serta berbangsa. Di samping penentuan sikap kita dalam memecahkan persoalan-persoalan yang diwujudkan dan bagaimana cara mengatasinya.

## Memperingati

Hari Kesihatan Sedunia yang dikaitkan dengan Tahun Belia Antarabangsa sembilan belas lapan puluh lima ini cukup mampu menggeletek, kita sejenak, dengan merenung persoalan para belia kita secara penuh tanggungjawab.

Kalau hanya sekadar untuk memperingati, habis di situ, alangkah sayangnya tema itu "Belia Sihat, Sumber Kita Yang Terbaik."

Gambaran telah diberikan bahawa para belia itu semakin bertambah dan di negara kita ini ianya merupakan jumlah peratus yang agak besar. Masalahnya telah jelas dengan mengemukakan tamsil ibarat

Lihat muka 11

# JKBS anjur seminar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan akan menganjurkan seminar, bertajuk 'Penglibatan Masyarakat Dalam Usaha Pemulihan Orang-Orang Cacat — Peranan Ibu Bapa, Masyarakat dan Kerajaan' pada hari Isnin depan.

Seminar selama dua hari pada 10 dan 11 Jun ini akan diadakan pada jam 8.30 pagi di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini, dan akan dibuka rasmi oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya.

Kira-kira 100 orang peserta yang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan, persatuan-persatuan belia, ibu bapa kanak-kanak yang berkenaan, penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung serta badan-badan perniagaan dijangka akan menghadiri seminar itu. Mereka juga diminta supaya dapat hadir pada masa dan waktu yang ditetapkan.

Beberapa kertas kerja akan dibentangkan dan seminar itu akan diakhiri dengan penyampaian resolusi dan sijil kepada peserta-peserta.



MODEL Pusat Sejarah Brunei — Gambar ihsan dari Jabatan Kerja Raya.

# PROJEK PEMBINAAN PUSAT SEJARAH BERJALAN LANCAR

Oleh Johari HAL

DALAM usaha ke arah memperkemaskan penghasilan khazanah sejarah di negara ini menjelang tahun 1986, sebuah pusat penyelidikan dan pengkajian dalam bidang tersebut sedang lancar diselenggarakan.

Projek bangunan baru Pusat Sejarah Brunei dianggarkan menelan belanja sebanyak $4½ juta itu akan dilengkapi dengan peralatan moden khusus dalam bidang penyelidikan dan pengkajian persejarahan.

**MEMAINKAN**

Bangunan tiga tingkat itu dijangka akan memainkan fungsinya sebagai pusat pengkajian dan penyelidikan yang bersangkut-paut dengan matlamat hal-ehwal Brunei Darussalam untuk dikaji dan dipisi isi kandungannya bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai rupa, gaya, semangat, tugas dan tanggungjawab bangsa Brunei Darussalam terhadap bangsa dan tanahairnya.

Selain dapat memajukan kegiatan-kegiatan penyelidikan sosio-budaya yang selaras dengan kehendak sejarah, pusat itu akan menyediakan keperluan pengajian sebagai bahan rujukan dari masa ke semasa.

Cadangan untuk membina bangunan baru itu telah difikirkan semenjak penubuhannya lagi tetapi setelah beroleh tapak yang sesuai di kawasan Jalan Sultan barulah projek itu mula dilaksanakan dengan jayanya tahun lalu.

Bangunan Pusat Sejarah Brunei yang ada sekarang ini (bekas Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Brunei) merupakan bangunan sementara pusat itu setelah berpindah dari Dewan Bahasa dan Pustaka semenjak ianya mula-mula ditubuhkan pada awal tahun 1982 dan diletakkan sebagai sebuah pejabat di bawah Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

**KEMUDAHAN**

Bangunan baru itu nanti akan mempunyai beberapa kemudahan moden di samping dilengkapi dengan beberapa buah bilik pentadbiran, kutubkhanah, bilik lukisan, bilik gelap, bilik mesyuarat, bilik gerakan, tukang tulis, penterjemahan, bahagian arkib, penyelidik, pencetak, penyimpan rekod dan mikro film dan kemudahan bilik sembahyang bagi lelaki dan perempuan serta tandas.

Menurut arkitek pembinanya Sharifah Hafzah bangunan Pusat Sejarah itu merupakan bangunan Kerajaan yang pertama menggunakan material jenis gypsum block di bahagian permukaan luar bangunan. Material ini khusus didatangkan dari Australia dan ianya difahamkan boleh memberikan hasil tembok yang lebih rata dari simen plaster dan gypsum block digunakan bagi menggantikan kegunaan batu bata dalam mana ianya lebih cepat didirikan.

Dengan adanya bangunan baru ini yang apabila siap nanti akan melambangkan ciri-ciri keBruneian maka, Pusat Sejarah Brunei akan dapat menjalankan dan menyelaraskan tujuan asal penubuhannya dengan lebih baik lagi yang antara lainnya :

* Menyelidik dan menyusun susur-galur keluarga Diraja dan sejarah sultan-sultan Brunei untuk diketahui oleh rakyat dan penduduk Brunei ini khususnya dan untuk pengetahuan ramai amnya.

* Menyelidik dan menyusun riwayat pembesar-pembesar dan orang-orang ternama yang perwira di dalam Negara Brunei Darussalam.

* Mengumpul dan menyimpan bahan-bahan sejarah Brunei dan perkara-perkara yang bersangkutan dengannya untuk pengkajian rujukan dan dibukukan.

* Mengusahakan penemuan semula sesuatu kesan sejarah untuk mengetahui isi kandungan yang ada di dalamnya supaya dapat dipelihara sebagai warisan bangsa dan dijadikan suatu sumber pengkajian,

* Mengumpul hasil-hasil penulisan sejarah mengenai Brunei yang telah diterbitkan untuk disimpan, pengkajian dan penilaian terhadap isi-isi kandungannya dan mengawalnya untuk mengatasi maksud sesuatu penyelewengan atau putar belit yang terkandung di dalam sesuatu penulisan itu supaya diselaraskan dengan kejadian yang sebenarnya.

* Mengadakan usaha-usaha yang berkesan untuk mendorong dan menguatkan semangat rakyat dan penduduk Negara Brunei ini bagi mengukuhkan taat setia kepada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan turun temurun,

* Memperkenalkan kemasyhuran Brunei dalam sejarah kepada umum sama ada dalam ataupun di luar negeri.

Dalam mencapai hasrat penubuhan itu, Pusat Sejarah Brunei akan terus berusaha 'mengunjar' dan menyelidik bagi menemukan bahan-bahan sejarah mengenai negara ini.

Sungguhpun bidang penyelidikan merupakan perkara baru namun Pusat Sejarah Brunei telah dapat menghasilkan dan mengumpul beberapa buah buku yang bersangkutan dengan sejarah Brunei.

**PENEMUAN**

Dengan penemuan semula dan pengumpulan serta ditulis menurut tafsiran dan kesesuaian yang sebenarnya, sudah barang tentu masyarakat dan bangsa kita terhindar dari para orientalis Barat yang telah banyak menulis berkenaan Brunei dengan mengikut pandangan dan buah fikiran mereka sendiri tanpa keselarasan perkara yang sebenarnya berlaku disebabkan mereka kurang mengetahui tentang kejadian sebenarnya.

Setakat ini Pusat Sejarah Brunei telah dapat mengumpul dan menyimpan Susun Galur Keluarga Diraja Brunei dan menerbitkan Syair Rakis, Tersilah Brunei, Riwayat Hidup Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien dan akan menerbitkan antaranya Catatan Ringkas Darussalam Merdeka, Sejarah Ringkas Sultan-Sultan Brunei, Perlembagaan TM 1959, Brunei Darussalam, Riwayat Ringkas Speaker-Speaker Brunei dan Sejarah Brunei.

Bagi melicinkan dan menyelaraskan tanggungjawab tersebut, Pentadbiran Pusat Sejarah Brunei dipecahkan kebeberapa unit untuk tujuan ke arah itu.

Sebanyak lima unit terdapat di pusat berkenaan iaitu Bahagian Pentadbiran, Penyelidikan, Pameran dan Penggambaran, Penerbitan dan Arkib/Perpustakaan. Kesemua unit-unit ini akan menjalankan tugas-tugas masing bagi mencapai dan menghasilkan tujuan pembentukannya.



SEBAHAGIAN besar bangunan yang telah menampakan bentuk bangunan tersebut — Gambar Pusat Sejarah.



SEBAHAGIAN dari kerja-kerja penyelenggaraan Bangunan Pusat Sejarah Brunei. — Gambar Pusat Sejarah.

## Belia sihat, sumber yang terbaik

Dari muka 10

di awal dan pertengahan rencana ini, jadi terpulanglah kepada kita sendiri untuk menilai kembali, terpulanglah kepada kekuatan hasrat suatu bangsa, terpulanglah kepada kemantapan negara untuk menilai sejauh mana para belia kita itu dapat dimanfaatkan sesuai dengan "Belia Sihat, Sumber Kita Yang Terbaik."

**Mencegah Lebih Baik Dari Mengubati**

'Prevent is better then cure' adalah begitu baik untuk kita perkenalkan dalam pembentukan mental, fizikal dan sosial belia kita dalam mengimbangi gejala-gejala negatif yang diutarakan di atas tetapi janganlah kita lihat pembentukan fizikal, mental dan sosial belia kita itu dari satu sudut sahaja kerana yang terbenam di dasarnya cukup membara, lalu ada panorama suatu keganjilan dari perimbangan sumber daya manusia.

Kepincangan dalam perimbangan struktural dan masyarakat, seperti sumber semula jadi alam, faktor pertumbuhan ekonomi, kemantapan suatu bangsa dan keselesaan berpolitik secara sihat janganlah ditinjau dari sudut kebendaan semata-mata, lihatlah ia dari permukaan lebih luas kerana siapa-siapa pun tak mahu melihat asset yang paling berharga ini — human capital stock — di tahun 2000 nanti terdiri dari yang berpenyakit, rendah akhlak, timpang pemikiran dan jauh dari ketakwaan.

Yah, hanya tinggal 15 tahun sahaja untuk mencapai matlamat kesihatan untuk semua menjelang tahun 2000, dan di mata Pertubuhan bangsa-Bangsa Bersatu belia hari ini — human capital stock — yang akan memimpin masyarakat dunia pada tahun itu. Bayangkan!

# PILIHLAH KERJAYA YANG MENCABAR DENGAN MEMASUKI ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI SEBAGAI PEGAWAI BERTAULIAH TETAP DAN JANGKA PENDEK



**SEBAGAI PEGAWAI BERTAULIAH JANGKA TETAP DI TENTERA DARAT**

**Latihan: 6 bulan di Perkhemahan Bolkiah d[an] akan melanjutkan latihan s[e]hingga bertauliah di luar negeri seperti di United Kingdom, Singapura dan Australia. Di antara 6-12 bulan.**



**SEBAGAI JURUTERBANG (PILOT) PEGAWAI BERTAULIAH JANGKA PENDEK**

**Latihan Asas di Perkhemahan Bolkiah dan melanjutkan latihan Tentera Udara di United Kingdom selama 6 bulan.**

**Latihan juruterbang dengan Tentera Udara di antara 1-2 tahun.**

**PEGAWAI (NAVIGATION OFFICER) DI TENTERA LAUT**



**Latihan Asas di Perkhemahan Bolkiah dan melanjutkan latihan di Tentera Laut Diraja British di United Kingdom sehingga bertauliah.**

**UNTUK TERPILIH AWANG-AWANG MESTILAH**

1. **Mesti bujang berumur $17\frac{1}{2}$-25 tahun.**
2. **Berkelulusan 4 Mata Pelajaran GCE Peringkat 'O' atau kelulusan sebanding dengannya.**
3. **Tinggi 5 kaki 1 inci, berat 105 paun.**

**Borang-borang permohonan serta penerangan lanjut boleh didapati di Pejabat Pengambilan, Perkhemahan Bolkiah.**

**Tarikh tutup: 14 Jun 1985 jam 1630 petang.**

## BRUNEI GOVERNMENT TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the supply of the following Office Furniture and Equipment for the year 1985.

| No. | ITEM | |
|---|---|---|
| 1. | Executive Desk | 72" x 34" x 30" |
| 2. | Clerical Desk Double Pedestals | 60" x 30" x 30" |
| 3. | Clerical Desk Single Pedestal | 48" x 30" x 30" |
| 4. | Typist Table with Stationery Slope | |
| 5. | Executive Chair | |
| 6. | Clerical Chair with Arm-rest | |
| 7. | Typist Chair | |
| 8. | Visitor's Chair | |
| 9. | Filling Cabinet, Steel | 4 Drawers |
| 10. | Cupboard, Steel | 72" x 18" x 36" — 3 Shelves |
| 11. | Plan File Cabinet, Horizontal | 30" x 46" x 35" — 5 Drawers |
| 12. | Plan File Cabinet, Vertical | $49\frac{1}{2}$"x34"x$17\frac{1}{2}$" |
| 13. | Visible Recorder File Cabinet | 8" x 5" — 20 Trays |
| 14. | File Tray | 10" x 15" x $2\frac{1}{2}$ |
| 15. | Waste Paper Bin, Steel | |
| 16. | Bookcase with Glass Sliding Door | 40" x 36" x 18" |
| 17. | Drafting Table | |
| 18. | Drafting Chair | |
| 19. | Security Fire Proof File Cabinet | 4 Drawers |
| 20. | Typewriter, Manual | 18" |
| 21. | Typewriter, Manual | 26" |
| 22. | Typewriter, Jawi not Arabic | 18" |
| 23. | Calculator, Desk-Top Electronic with Automatic Print-Out and Illuminative Display | 12 to 14 Digits |
| 24. | Duplicating Machine, Electric | |
| 25. | Letter Rack | 5 Tiers |
| 26. | Safe, Medium Size | |
| 27. | Conference Table | |
| 28. | Conference Chair | |
| 29. | Shelving, Library | 5 Shelves |
| 30. | Shelving, Mobile | 5 Shelves |
| 31. | Card Catalogue Cabinet | 5" x 3" 25 Drawers |
| 32. | Index Card Cabinet | 7 Drawers |
| 33. | Library Table | |
| 34. | Library Chair | |
| 35. | Counter Chair, Adjustable Hydraulic | |

2. Tenders should be submitted to the Chairman, Tenders Board, 4th Floor, Ministry of Finance, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam not later than 12.00 noon on 17th June, 1985. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders must b placed in a plain sealed envelope and on the face of each should be written "TENDER FOR OFFICE FURNITURE AND EQUIPMENT". There must be no indications on the cover of the name of the tenderer.

4. Tenderer(s) should specify the unit cost of each item including duty, the manufacturer's trade name and the country of origin. Terms of guarantee such as period of availability of spare parts and service/maintenance on free of charge basis, if any, in respect of Office Machinery must be clearly stated.

5. The successful tenderer(s) will be required to deliver the goods from time to time to site as instructed by the Director of Financial Services, Treasury Deparment, Ministry of Finance, Negara Brunei Darussalam.

6. The goods supplied should be in accordance with the particulars and specifications stated jn the tenders and as required by the Government, and those not in accordance with the particulars and specifications required will be rejected.

7. Tender deposit will be $500.00 (Dollars Five hundred only).

8. The Government is not bound to accept the lowest or any tender and may accept only part of the tender.

## Gurkha Reserve Unit Tender Notice

No. GRU 1/1985

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the 4th. Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, up to 12 noon on Monday 1st. July, 1985.

"UNIFORM CLOTHING & NECESSARIES."

2. Tender documents are obtainable from Headquarters, Gurkha Reserve Unit, Sungei Akar Camp, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

3. All prices must be quoted on C.I.F. Brunei basis for supply commencing January, 1986.

4. Date of delivery to be stated.

5. Tenderers are to submit samples to Headquarters, Gurkha Reserve Unit at the same time as submitting their tenders.

6. In the case of specific item of uniform or uniform cloth no substitution is acceptable. There is to be no change in design, pattern, quality or material.

7. Tenders must be contained in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer. The envelope should be marked "SUPPLY OF UNIFORM CLOTHING & NECESSARIES TO GURKHA RESERVE UNIT" in the top left hand corner.

8. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# KENYATAAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN HAL EHWAL UGAMA

### MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM

**BIL.: 10/1985**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat pada hari Isnin, 17 Jun, 1985, jam 12.00 tengah hari untuk membekal dan upah menjahit pakaian seragam pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Belait bagi tahun 1985.

2. Butir-butir tawaran dan penerangan-penerangan lanjut mengenai perkara ini boleh dilihat dan diperolehi dari Kadi Daerah Belait, di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait pada bila-bila masa waktu pejabat hingga hari Sabtu, 15 Jun, 1985 jam 1.30 petang.

3. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

**BIL.: 11/1985**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat pada hari Isnin, 17 Jun, 1985, jam 12.00 tengah hari untuk membekal dan upah menjahit pakaian seragam pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Brunei/Muara dan Daerah Temburong bagi tahun 1985.

2. Butir-butir tawaran dan penerangan-penerangan lanjut mengenai perkara ini boleh dilihat dan diperolehi dari Kerani Tingkat Pertama [Tawaran] Jabatan ini, Tingkat Pertama, Bilik No: 205, di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, pada bila-bila masa waktu bekerja hingga hari Sabtu 15 Jun, 1985, jam 1.30 petang.

3. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama pemborong dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: KB 67 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk :

PROJEK No.: 85AB/JKP/009
MENGUBAH SUAI SALURAN PAIP GAS DI SURI SERI BEGAWAN HOSPITAL, KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 12 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: KB 68 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk :

PROJEK No.: 84AB/PEL010,
CADANGAN MEMBINA 4 BILIK DARJAH BAGI SEKOLAH RENDAH KERAJAAN SUKANG ULU BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 19 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $300.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 17 Jun, 1985.

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1230 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

BIL : PROC/T/136/85
MEMBEKAL :
VEHICLE SPARE LOT 2
CAGARAN : $300.00.

BIL : PROC/T/137/85
MEMBEKAL :
VEHICLE SPARE
BEDFORD LOT 2
CAGARAN : $300.00.

BIL : PROC/T/138/85
MEMBEKAL :
G.M SPARES
CAGARAN : $200.00.

BIL : PROC/T/139/85
MEMBEKAL :
SIMMERSTAT SWITCH
CAGARAN : $200.00.

BIL : PROC/T/140/85
MEMBEKAL :
FAN TABLE 16"
CAGARAN : $200.00.

BIL : PROC/T/141/85
MEMBEKAL :
ASSAULT WAIST COAT
CAGARAN : $300.00.

BIL : PROC/T/142/85
MEMBEKAL :
ELECTRIC KWALI
CAGARAN : $300.00.

BIL : PROC/T/143/85
MEMBEKAL :
TWO RING COOKER
CAGARAN : $300.00.

BIL : PROC/T/144/85
MEMBEKAL :
BICYCLE RALEIGH
CAGARAN : $100.00.

BIL : PROC/T/145/85
MEMBEKAL :
NIGHT LANDING EQUIPMENT
CAGARAN : $300.00.

BIL : PROC/T/146/85
MEMBEKAL :
BATTERY DELCO
CAGARAN : $200.00.

BIL : PROC/T/147/85
MEMBEKAL :
ENGINE FORKLIFT
CAGARAN : $300.00.

## PORTS DEPARTMENT
## Negara Brunei Darussalam
## Tender Notice No. 4/1985

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 1st July, 1985 for the supply of:—

TWELVE (12) NOS. TYRES YOKOHAMA Y-67 NYLON OR, SIZE 16.00 X 25–28PR, TUBELESS (for Kalmar LMV Forklift Model 28, 42–1209).

Further details of tyre specification may be obtained from the Controller of Ports, Ports Department, Muara, Negara Brunei Darussalam.

All prices must be quoted in CIF Brunei.

Date of delivery must be stated.

Tenders must be send in a plain sealed envelope with no indication of the tenderer, the envelope should be marked "Container Forklift Tyre" in the usual place for address.

The Government of Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest of any tender.

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL.: PPL/MTB/83/1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 26 Jun, 1985 bagi kerja-kerja berikut:

EXTENSION OF 11KV AND LT SYSTEM FROM KAMPONG PENAPAR TO KAMPONG UKONG VIA AERIAL CABLE ON 112 NOS. 35 FT TUBULAR STEEL POLES AND STAY RODS.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Satu perjumpaan bagi penentuan tawaran akan diadakan pada hari Khamis pukul 3.00 petang, di Bilik Persidangan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik. Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik adalah berhak untuk menolak sebarang tender yang tidak menghadiri perjumpaan tersebut.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran-tawaran tersebut adalah $100.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN

1. Nama Projek :
   1.1 Bilangan tawaran : JKP8/1985
   PEMBERSIHAN LONGKANG, KALBAT, TAKONG (SUMPS) DAN PEMOTONGAN RUMPUT DI KAWASAN KAMPONG PERPINDAHAN MATA-MATA, GADONG SELAMA SATU TAHUN.
   1.2 BILANGAN TAWARAN : JKP/9/1985
   PEMBERSIHAN LONGKANG, KALBAT, TAKONG (SUMPS) DAN PEMOTONGAN RUMPUT DI KAWASAN KAMPONG PERPINDAHAN SERASA, MUARA SELAMA SATU TAHUN.
   1.3 BILANGAN TAWARAN JKP/10/1985
   PEMBERSIHAN LONGKANG, KALBAT, TAKONG (SUMPS) DAN PEMOTONGAN RUMPUT DI KAWASAN KAMPONG PERPINDAHAN LAMBAK KANAN PERINGKAT I SELAMA SATU TAHUN.
2. Dokumen tawaran boleh dilihat dan didapati dari :
   Jabatan Kemajuan Perumahan,
   Tingkat 3,
   Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
   Kawasan Lapangan Terbang Lama,
   Negara Brunei Darussalam
   mu'ai dari Rabu 5 Jun hingga 15 Jun, 1985.
3. Kelayakan Pemborong : Kelas 'B' yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.
4. Cagaran tawaran : $200.00 + $50.00 (dokumen) + $50.00 (pelan) bagi tiap-tiap tawaran.
5. Tarikh tutup : Hari Isnin 17 Jun, 1985 jam 12.00 tengah hari.
6. Syarat-syarat tawaran :
   6.1 Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan);
   6.2 Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan;
   6.3 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, bertulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada :
   Pengerusi,
   Lembaga Tawaran Kecil,
   Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal),
   Tingkat 3,
   Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Negara Brunei Darussalam.
   6.4 Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari :
   Jabatan Kemajuan Perumahan,
   Tingkat 3,
   Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam,
   Lapangan Terbang Lama,
   Negara Brunei Darussalam.
   6.5 Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender);
   6.6 Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan;
   6.7 Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan; dan
   6.8 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mu'ia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMBORONG - pemborong adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari hari Isnin 10 Jun, 1985, jam 12.00 tengah hari, bagi membekalkan "ALAT-ALAT PEMELIHARAAN PADANG."

2. Keterangan alat dan butir-butir lanjut boleh didapati daripada Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam, pada bila-bila masa sahaja waktu pejabat dibuka.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, tanpa menunjukkan identiti pemborong. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis "MEMBEKALKAN ALAT-ALAT PEMELIHARAAN PADANG KE JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" dan tarikh tutup tawaran hendaklah juga dinyatakan di atas sampul surat tersebut.

4. Pemborong - pemborong yang menghantar tawaran-tawaran mereka adalah dikehendaki menghantar katalog barang-perkara-perkara yang akan dibekalkan beserta dengan butir-butir berikut :—

i) Tarikh pembekalan;
ii) Harga C.I.F. Brunei;
iii) Lama dalam jaminan;
iv) Lain-lain hal, jika ada.

5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas, tidak akan dilayan.

6. Wang cagaran sebanyak $200.00 bagi pembekalan ini hendaklah dijelaskan ke Bahagian Kewangan, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam, pada bila-bila masa sahaja waktu pejabat dibuka.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan
   Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
   Kementerian Pembangunan,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: 143 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD411/0701

IBU PEJABAT TELEKOM DAERAH, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 17 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 203 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD426/2901

KEDAI NAAFI KELAS 'C' PENANJONG DAN SAMBUNGAN LETAK KERETA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 17 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 204 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AW/002

MEMBEKAL PAIP POLIETILENA YANG BERKETUMPATAN (HDPE), PEMASANGANNYA DAN KEUTAMAAN KHUSUS DI KAMPONG AYER, PERINGKAT KEDUA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 17 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 205 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PEL066

PEMBINAAN SATU (1) BLOK PENTADBIRAN BAGI S.U.A.S. MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 10 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 206 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: 84AB/18700

PEMBINAAN 3 BLOK 16 UNIT BARIK-BARIK DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA DI STESEN JANAKUASA GADONG, JALAN GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 10 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 207 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AW/15600

PEMBAIKAN PARIT DI KAMPONG SERUSOP, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 10 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 208 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/15800

PENGGALIAN PENGELUARAN SALURAN BARU DARI KAMPONG PARIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 8 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 12 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 209 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" dan "B" sahaja (Pemborong Hawa Dingin) untuk:

PROJEK No.: AD419/0602

PEMASANGAN HAWA DINGIN BAGI PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN S.U.K. LAMA (PERINGKAT III) BAGI PEJABAT KEWANGAN DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI DI JALAN ELIZABETH II, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 8 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 10 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 210 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" dan "B" sahaja (Pemborong Elektrik) untuk:

PROJEK No.: AD419/0602

PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN S.U.K. LAMA (PERINGKAT III) BAGI PEJABAT KEWANGAN DAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI DI JALAN ELIZABETH II, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 8 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 10 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 211 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AW/01800

MEMBEKALKAN BARANG-BARANG GANTI ELEKTRIK UNTUK STESEN PENGEPAM SALURAN NAJIS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 8 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 10 Jun, 1985.

### BIL: JKR 212 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang berkelayakan untuk:

PROJEK No.: 85AW/01800

MEMBEKAL DAN MEMASANG TIGA (3) COMMINUTOR MOTORS BAGI STESEN PENGEPAM SALURAN NAJIS DI SERIA DAN KUALA BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 22 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 26 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 213 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: 85AR/10000

MEMBEKAL DAN MENDIRIKAN TANDA BATU JENIS BAHARU DI SEPANJANG JALAN-JALAN UTAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 22 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 26 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 214 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD416/0202

CADANGAN BETUNG UTAMA (PARIT BESAR) SAMBUNGAN SEPANJANG JALAN BERAKAS (PERINGKAT II), NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 4 Julai, 1985.

Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 215 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD425/1301

GUDANG LOJISTIK, PERINGKAT II, PERKHEMAHAN BOLKIAH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 27 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 1 Julai, 1985.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 216 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

PROJEK No.: AW417/0401

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PEMBAHAGIAN TANGKI AIR GRP BAGI RANCANGAN PEMBEKALAN AIR SUNGAI LIANG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 17 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 217 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/PDB003

MELAKSANAKAN KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA KEPADA 1 BLOK PENARUHAN KENDERAAN, 1 BLOK SURAU, 1 BLOK STOR DENGAN SEMBOYAN, PAGAR DAN SELUSUR KAWALAN BAGI PARIT KONKRIT TERLETAK DALAM KAWASAN IBU PEJABAT POLIS GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 17 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 218 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/14111

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA 3 BLOK RUMAH PANGSA KELAS 'F' BAGI PERUMAHAN GURU-GURU SEKOLAH MELAYU DELIMA SATU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 15 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 19 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 219 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/00900

MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA POS POLIS PUNI DAN PERUMAHAN-PERUMAHAN POLIS DI BANGAR, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 15 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 19 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 220 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/PEL177

PEMBINAAN BANGUNAN SATU TINGKAT MENGANDUNGI 3 BILIK BAGI ASRAMA DI SEKOLAH MENENGAH SULTAN HASSAN, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 15 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 19 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 221 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 85AB/17800

PEMBAHARUAN BAHAGIAN PENDAFTARAN KAPAL JABATAN LAUT, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 15 Jun, 1985.

Tarikh tutup: 19 Jun, 1985.
Cagaran tawaran: $100.00.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PENGAWAS GEMBALA KUDA

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai PENGAWAS GEMBALA KUDA di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji : C. 1-2 EB. 3 $1280-$2270 sebulan

Kelayakan dan Pengalaman :

a) Mestilah berumur di antara 18 hingga 40 tahun.
b) i) Mestilah mempunyai Diploma dalam Pengurusan Kandang atau Pentadbiran ataupun kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan dan mempunyai pengalaman dalam pengurusan kandang sekurang-kurangnya 5 tahun

ATAU

ii) Mestilah terdiri dari Pengembala Kuda Kanan yang telahpun ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun dan mempunyai kebolehan dan pengalaman di dalam pengurusan kandang (termasuk pemeliharaan dan pengendalian kuda-kuda dan menjalankan rawatan terhadap kuda-kuda yang sakit) serta pengurusan dan penyelia kakitangan.

c) Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris adalah merupakan satu kelebihan.

Syarat-syarat Lantikan :

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah menamatkan kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 20 Julai, 1985.

( Bilangan iklan : 89/1985)

( E/286/84 ).

## Pemberitahuan Tawaran Jabatan Pelajaran Kementerian Pelajaran dan Kesihatan

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 17 Jun, 1985, bagi :—

"SUPPLY OF 4 UNITS 4WD DIESEL TRACTOR WITH COMPATIBLE ROTARY CUTTER/SLASHER."

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, bertulis dengan nama perkara yang berkenaan seperti tersebut di atas tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pelajaran, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran sebanyak $500.00 adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona fide tender).
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## Telecommunications Department Tender Notice

PROJECT No. W/5/85

TENDERS are invited from registered Telecoms Contractors with A or B or C or D classification.

2. The said tender are for EXCAVATION BACKFILLING AND REINSTATMENT OF TRENCHES FOR CABLE LAYING KUALA TUTONG.

3. Tender should be submitted to the Chairman of the Tenders Board. 4th. Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam and must be placed into the Tender Box provided at the above address not later than 12.00 noon on Monday 17th. June, 1985.

4. Tender should be submitted in a plain sealed envelope marked :—

PW/5/85
TELEPHONE CABLE RELIEF SCHEME KUALA TUTONG TELECOMMUNICATIONS DEPARTMENT.

5. Detailed tender document can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, upon a deposit of $100.00 which will be refunded to all unsuccessful tender. The tender deposit will be forfeited from any tender fails to submit a tender.

6. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint Consultation and on site inspection of work is a condition of tender. and prospective contractor must meet with the Director's Representative at 9.30 a.m. hours on 10th. June, 1985 at Tutong Telephone Exchange. Tutong.

Tender will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: JKR 222 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 35AB/00900
MENGGOSOK DENGAN KERTAS PASIR DAN MENGILAP LANTAI-LANTAI PARQUET TIMBER YANG SEDIA ADA DI PEJABAT-PEJABAT/ RUMAH-RUMAH KERAJAAN BAGI TEMPOH SATU TAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 15 Jun, 1985.

Tarikh tutup : 19 Jun, 1985.

Cagaran tawaran : $100.00.

### BIL: JKR 223 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" atau "B" (Pemborong Hawa Dingin) untuk :

PROJEK No.: AD426/3101
PEMASANGAN HAWA DINGIN BAGI CADANGAN PEGAWAI BURUH AWAM DAN KAWASAN TEMPAT REHAT PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 22 Jun, 1985.

Tarikh tutup : 26 Jun, 1985.

Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran, di Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 22 Julai, 1985.

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran sepertimana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1230 dan 1400 — 1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contah-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

BIL : PROC/T/151/85
MEMBEKAL :
GENERATOR DELCO SPARE
CAGARAN : $100.00.

BIL : PROC/T/152/85
MEMBEKAL :
POLAROID CAMERA
CAGARAN : $100.00.

BIL : PROC/T/153/85
MEMBEKAL :
ENGINE OUTBOARD
CAGARAN : $200.00.

BIL : PROC/T/154/85
MEMBEKAL :
JABSCO PUMP SPARES
CAGARAN : $200.00.

BIL : PROC/T/155/85
MEMBEKAL :
MERCEDES SPARE
CAGARAN : $100.00.

BIL : PROC/T/156/85
MEMBEKAL :
LIGHT TRIPLE PENDANT
CAGARAN : $100.00.

BIL : PROC/T/157/85
MEMBEKAL :
FOOD CONTAINER
CAGARAN : $200.00.

BIL : PROC/T/158/85
MEMBEKAL :
TENT LIGHTWEIGHT
CAGARAN : $200.00.

BIL : PROC/T/159/85
MEMBEKAL :
PERALATAN TENTERA
CAGARAN : $300.00.

BIL : PROC/T/160/85
MEMBEKAL :
PERALATAN TENTERA LOT 1
CAGARAN : $300.00.

BIL : P/RC/65
MEMBEKAL :
PERKHIDMATAN DERATTING/ DISINFESATION OF ON/OFF SHORE INSTALLATION AT MUARA BASE
CAGARAN : $300.00.

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL. : PPL/MTB/21/85

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK UBAHSUAI PADA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN, B.S.B., NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup : 5 Jun, 1985 (hari Rabu) jam 12.30 tengah hari.

Cengkeram : $100.00.

Kelayakan pemborong : Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

BIL. : PPL/MTB/66/1985

Tajuk : SUPPLY AND DELIVERY OF HPSV FLOODLIGHTING LUMINAIRES.

Tarikh tutup : 19 Jun, 1985.

Cagaran : $300.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 8 Julai, 1985.
2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran seperti mana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.
3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1230 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat).
4. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.

BIL : PROC/T/106/85
MEMBEKAL :
TRUCK REFUSE 4 × 2 RHD
CAGARAN : $500.00.

BIL : PROC/T/107/85
MEMBEKAL :
TRUCK 4 TON FIRE FIGHITING
CAGARAN : $500.00.

BIL : PROC/T/108/85
MEMBEKAL :
COACH 42 SEATER RHD
CAGARAN : $500.00.

BIL : PROC/T/109/85
MEMBEKAL :
MINI BUS 15 SEATER RHD
CAGARAN : $500.00.

BIL : PROC/T/110/85
MEMBEKAL :
DIESEL FORK LIFT TRUCK (GENERA)
CAGARAN : $500.00.

BIL : PROC/T/111/85
MEMBEKAL :
BEDFORD AMBULANCE RHD
CAGARAN : $500.00.

BIL : PROC/T/113/85
MEMBEKAL :
TRUCK 4 × 4 MEDIUM TIPPER RHD
CAGARAN : $500.00.

BIL : PROC/T/148/85
MEMBEKAL :
AFV COVERALLS
CAGARAN : $300.00.

BIL : PROC/T/149/85
MEMBEKAL :
AIRCRAFT MAINTENANCE SOFTWARE (APPLE II)
CAGARAN : $200.00.

BIL : PROC/T/150/85
MEMBEKAL :
CANOPY LANDROVER
CAGARAN : $200.00.

BIL : P/RC/64
MEMBEKAL :
TAILORING TO RBAF (2 YEARS RUNNING CONTRACT)
CAGARAN : $500.00.

## NOTIS TAWARAN MENCETAK BUKU-BUKU DBP BIL.: (4) 1985

TAWARAN adalah dipelawa bagi mencetak buku-buku Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam.

1 Penentuan-penentuan (specifications) mengenai buku-buku ini boleh didapati dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada masa-masa bekerja.
2 Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup. Di bahagian atas penjuru sampul surat hendaklah dibubuh perkataan: TAWARAN MENCETAK BUKU-BUKU DBP BIL.: (4) 1985.
3 Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan atau dikirim kepada:
Pengerusi
Lembaga Tawaran
d/a Bangunan Kementerian Kewangan,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam,
tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 17 Jun, 1985.
4 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat kepada mana-mana atau kepada tawaran yang paling rendah.

*Skim Pengurniaan Tanah Peringkat Kedua*

# *144 LAGI TERPILIH*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 144 orang lagi pemohon terpilih mendapat kurnia tanah dalam pemilihan peringkat kedua Skim Pengurniaan Tanah Untuk Rakyat Jati bagi semua kawasan yang telah ditetapkan di seluruh negara.

Sepuluh orang pemohon terpilih untuk ditempatkan di kawasan Lambak Kiri di Daerah Brunei-Muara, 35 orang berjaya bagi kawasan Mumong di Daerah Belait, manakala 24 orang pemohon berjaya untuk kawasan Lorong Tiga Selatan, Seria.

Pemilihan peringkat kedua juga telah menyenaraikan seramai 46 orang pemohon bagi kawasan Telisai, Tutong dan 29 orang lagi untuk kawasan Rataie di Daerah Temburong.

Kerja-kerja penyediaan tapak di kawasan-kawasan yang diluluskan untuk Skim Pengurniaan Tanah itu kini sedang giat dilaksanakan.

Berikut ialah senarai nama-nama mereka yang terpilih:

**KAWASAN LAMBAK KIRI DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

Metali bin Jumat (007094 K), Abd Majid bin Md Tahir (A 433 K), Bahar bin Saman (A 926 K), Taib bin Tengah (032633 K), Ramli bin Md Zain (038449 K), Jumat bin Salleh (A 509 K), Chuchu bin Haji Metassan @ Tasan (015587 K), Awang Ahad bin Othman (A 1641 K), Awang Salim bin Haji Ismail (004079 K), Kamis bin Belangan (040827 K).

**KAWASAN MUMONG DAERAH BELAIT**

Abd Rahman bin Haji Tahir (001898 K), Md Yusof bin Sanudin (P 0427 K), Kamis bin Badar (030909 K), Mohamad bin Husein (020912 K), Jaya bin Edris (005402 K), Marusin bin .Awang Damit (021065 K), Ibrahim bin Jaya (005797 K), Awang Mili bin Damit (011896 K), Mahari bin Haji Mokti (021055 K), Amzah bin Salleh (011541 K), Bidin bin Aji (020668 K), Dayang Lampai bte Tamin (027673 K), Hashim bin Ibrahim (028577 K), Md Adi Selamat @ Aw Adi bin Selamat (011409 K), Pengiran Damit bin Pg Serudin (065699 K).

Hamran bin Matidin (028660 K), Abd Rahman bin Baharuddin (005218 K), Hassan bin Bakar (002761 K), Mardi bin Abdul Gapar (028703 K), Md Sani bin Ahmad (005448 K), Mat Yassin bin Othman (P 286 K), Juna bin Bundan (021157 K), Mohamad Ghani bin Osman (000946 K), Abd Razak bin Haris (011867 K), Awang Sabtu bin Ahmad (005150 K), Matzin bin Othman (002541 K), Norsiah binte Shafie (012252 K), Taisah binte Bakar (002531 K), Pg Ali bin Pg Abd Rahman (027750 K), Nikman bin Md Noor (023772 K).

Kamis bin Aji (020576 K), Pg Haji Sulaiman bin Pg Buntar (023841 K), Yahya bin Matali (037729 K), Pg Othman bin Pg Hashim (011842 K), Alias bin Ismail (005210 K).

**KAWASAN LORONG TIGA SELATAN/SERIA**

Durani bin Hassan @ Abd Rani Haji Metassan (020914 K), Safar bin Lamat @ Jaafar bin Selamat (020290 K), Rusnah binte Mohd Taip (039080 K), Wahid bin Abd Rahman (012122 K), Ali bin Abdul Rahman (034088 K), Pg Ahmad bin Pg Haji Yusof (029951 K), Jais bin Nawang (121355 K), Adi bin Diok @ Hashim bin Diok (005810 K), Pg Md Zain bin Pg Ahmad (00600 K), Mohamad bin Haji Salleh (027275 K), Mohammad Husney bin Abdullah 005977 K), Idris bin Pungut (028008 K), Buang bin Zakaria (011849 K), Mindas bin Haji Said (011593 K).

Dulani bin Yusof (020361 K), Sulong bin Nangkat (036166 K), Pg Mahmud bin Pg Said (034701 K), Ramli bin Besar (075292 K), Sidop bin Pell (011932 K), Dollah bin Osin (011523 K), Manaf @ Manap bin Janair (028508 K), Mohd Yassin bin Donglah (011524 K), Daud bin Raub (011605 K), Abd Rashid bin Haji Ahmad (062969 K).

**KAWASAN TELISAI/ TUTONG**

Minor bin Nagah (035520 K), Bujang bin Ismail (016117 K), Dayman bin Ismail (013949 K), Sable bin Karim (048908 K), Siew bin Akon (A 0698 K), Bara bin Saban (A 0958 K), Abdul Halim bin Mohd Noor (027719 K), Awang Besar bin Mahali (021861 K), Othman bin Ali (021843 K), Murah bin Tawali (013641 K), Zakaria bin Duraman (036644 K), Mohd. Ali bin Durani (A 0923 K), Abd Muin bin Haji Ahmad (A 1369 K), Pg Apong bin Pg Salleh (016796 K).

Ahmad bin Hitam (005341 K), Omar bin Tasim (009531 K), Ramli bin Jaya (016157 K), Rosle bin Haji Bolhassan (011000 K), Larik bin Hidup (020109 K), Apong bin Bangun (003163 K), Sata bin Abd Rahman (054354 K), Pungut bin Mat Daud @ Mohd Daud (016339 K), Mana bin Buang (003169 K), Abdul Mumin bin Ahmad (028099 K), Tumas bin Suhaili @ Masari bin Abdullah (016448 K), Deli bin Minggu (035706 K), Juneh bin Suile @ Suhaili (016478 K), Malai bin Binting (008386 K), Idris bin Ahad (035320 K).

Haji Kamis bin Nuddin (003103 K), Musim bin Asing (035740 K), Metassan bin Metassim (A 1338 K), Morsidi bin Suheli (A 2362 K), Ismail bin Ibrahim (120921 K), Karim bin Akim (022855 K), Mohd Said bin Lingah (054169 K), Awang Abdul Hamid bin Haji Kahar (026980 K), Awang Tajuddin bin Chuchu (002598 K), Talip bin Ismail (016172 K), Burub bin Aunton (009549 K), Mohamad Said bin Haji Ahmad (010466 K), Kassim bin Haji Ibrahim (036559 K), Ali Hassan bin Haji Bakri (036104 K), Emran bin Haji Jaludin (122722 K), Abdullah bin Abdul Razak (035135 K), Ahmad bin Idris (121691 K).

**KAWASAN RATAIE/ DAERAH TEMBURONG**

Tiawa bte Matisa (024179 K), Puasa bin Ghapar Tahir (001350 K), Awang Nayan bin Kading (024032 K), Matassim bin Haji Rajab (006267 K), Pg Yakub bin Pg Tuah (033248 K), Tudin bin Ungsang (037198 K), Ismail bin Hassan (038147 K), Md Kunal bin Alias (008241 K), Ayop bin Jumaat @ Rosli bin Jamahat (031827 K), Momin bin Labu (125260 K), Dy Liwah bte Awang Tengah (024299 K), Mohin bin Mat Jaya (047220 K), Elan bin Etong (053971 K), Jaidin bin Abdullah (024464 K).

Mohiddin @ Judin bin Sisa @ Sesa (009487 K), Malik bin Bakar (001571 K), Ahmad bin Matassan (024086 K), Masri bin Haji Hassan (007921 K), Buntar binti Matnor (013538 K), Tawhat bin Tengah (A 1562 K), Maidin bin Pangis (024960 K), Sabtu bin Maramit (024138 K), Ahad bin Munap (001528 k), Bujang bin Chuchu (013594 K), Jumaat bin Haji Jaidin (013393 K), Pg Alimas bin Pg Haji Metassan (024125 K), Sani bin Abd Rahman (037667 K), Kamis bin Serudin (026557 K), Ahmad bin Momin (056165 K).

Dari muka 1

Negara Brunei Darussalam dan melalui latihan tersebut beliau merasa berpuas hati dengan kecekapan dan daya tujuan dan tumpuan yang ditunjukkan oleh setiap anggota yang terlibat dengan latihan tersebut.

Dalam perutusan yang singkat itu, beliau selanjutnya menaruh kepercayaan bahawa ABDB akan kekal berkembang dalam kekuatan dan keupayaan pada masa-masa yang akan datang walaupun menghadapi beberapa masalah.

Bersempena hari ulang tahunnya yang ke-24 itu, seramai 19 orang anggota telah menerima Pingat Kerja Lama Serta Perangai Baik iaitu lapan orang menerima pingat tersebut di Perkhemahan Berakas yang disampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Brigadier Jeneral Pengiran Haji Ibnu bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong. Empat orang menerimanya di Perkhemahan Bolkiah dan disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Datu Indera Setia Diraja Kolonel Dato Paduka Haji Awang Abdul Aziz bin Abdullah.

Sementara di Perkhemahan Tutong pula seramai lima orang anggota menerima pingat tersebut dan disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Harimaupadang Lieutenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Husin bin Ahmad, manakala di Perkhemahan Muara pula seramai dua orang menerima pingat tersebut yang disampaikan oleh Pegawai Staff Am Kolonel W.R.W. Pike.




INILAH model pesawat terbang Boeing 757-200 yang dibeli oleh RBA — Gambar oleh Rabaee Sabli.

## Pembelian sempena Ulang Tahun ke-10 RBA

Dari muka 1

Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan selaku Pengerusi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan Awang Richard R Albrecht. , Naib Yang Dipertua Kerja bagi Boeing Commercial Airplane Company.

Upacara bersejarah pada pagi itu telah disaksikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan.

Pembelian Boeing twin-jets yang baru itu adalah sempena dengan Ulang Tahun ke-10 Penerbangan Diraja Brunei dan ianya akan menambahkan lagi jumlah pesawat terbang Boeing 737-200 yang ada sekarang yang kini memberi perkhidmatan kepada rangkaian penerbangan serantau yang semakin meluas di Asia Tenggara.

Pesawat Terbang Boeing 757 dengan teknologi baru Penerbangan Diraja Brunei akan dikuasai oleh enjin Rolls Royce RB211-535E4.

**PERTAMA**

PELITA BRUNEI difahamkan pesawat terbang itu adalah merupakan yang pertama akan meliputi ciri-ciri perjalanan lebih jauh (Extended Range) yang akan memberikan Penerbangan Diraja Brunei untuk memperkenalkan perkhidmatan terus menerus di masa-masa depan ke destinasi tambahan di Rantau Asia serta juga perkhidmatan satu perhentian dari Negara Brunei Darussalam ke Eropah.

Beberapa ciri bentuk rupa yang unik akan digabungkan oleh Penerbangan Diraja Brunei termasuk susunan tiga kelas tempat yang istimewa dengan persediaan tempat penumpang-penumpang yang serba mewah.

Penerbangan Diraja menyatakan bahawa pesawat terbang Boeing 757 telah dipilih setelah dilakukan pengkajian yang intensif selama setahun dari segi pengendalian, perdagangan dan ekonomi yang telah ditawarkan oleh pesawat terbang lain dari kedua-dua pembuatnya Amerika Syarikat dan Eropah.

Akhirnya Syarikat Penerbangan Diraja Brunei mendapati Pesawat Boeing 757 paling baik untuk memenuhi kehendak-kehendak Penerbangan Diraja Brunei bagi meningkatkan bilangan pesawat terbang dalam jangka masa pendek dan matlamat pemasaran jangka panjang.

**PELUANG**

Pengenalan pesawat terbang dengan teknologi baru itu akan menyediakan peluang yang luas bagi RBA untuk memajukan rakyat Brunei dalam bidang kecekapan dan kemahiran yang baru dalam perusahaan penerbangan selaras dengan dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengadakan pekerjaan bagi warganegaranya.

Pembelian itu telah menjadikan jumlah pesanan bilangan model Boeing 757 keseluruhannya kepada 155 pesawat terbang kepada 10 pelanggan Boeing di seluruh dunia.

Syarikat Penerbangan Diraja Brunei telah ditubuhkan dalam tahun 1975 dan di masa kini ianya telah mempunyai lebih dari 500 orang kakitangan. Kini RBA mempunyai sembilan destinasi iaitu Kota Kinabalu, Kuching, Manila, Singapura, Kuala Lumpur, Jakarta, Bangkok, Hongkong dan Darwin.

Antara yang hadir di upacara pagi itu termasuklah TYT Duta Besar Amerika Syarikat ke negara ini, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Pengurus Am RBA dan Timbalannya serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan jemputan-jemputan khas.

## UJIAN BAGI QARI DAN QARIAH KITA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan Membaca Al-Quran peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur yang berlangsung pada malam ini adalah merupakan satu ujian bagi Qari dan Qariah kita untuk memperbaiki kedudukan masing-masing.

Awang Haji Mohd Yusof bin Abu Bakar pernah menduduki tempat ketiga dalam tahun 1981 sementara Dayang Hajjah Masni binti Haji Abdi Manaf pernah menyandang naib johan sebanyak dua kali iaitu dalam tahun 1980 dan 1983.

Kedua-dua wakil kita ke pertandingan tersebut mempunyai pengalaman yang luas di peringkat antarabangsa. bagi Awang Awang Haji Mohd Yusof penyertaan beliau kali ini adalah merupakan kali keempat setelah mewakili negara dalam tahun 1978, 1980, dan 1981. Manakala bagi Dayang Hajjah Masni pula turut serta dalam tahun 1975, 1977, 1979, 1980 dan 1983 dan penyertaannya kali ini adalah kali yang keenam.

**MENDOAKAN**

Awang Haji Mohd Yusof ketika ditemuramah oleh Pihak Pelita Brunei baru-baru ini di samping melahirkan keazamannya untuk memperbaiki kedudukan beliau juga berharap agar rakyat dan penduduk negara ini khususnya Umat Islam mendoakan supaya beliau berada dalam keadaan sihat walafiat selalu dan dapat memperdengarkan bacaan yang lebih baik.

Kerana katanya, kejayaan beliau adalah juga merupakan kejayaan seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa kali ke 26 ini akan diadakan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur selama lima malam berturut-turut mulai malam ini 5 Jun sehingga 9 Jun depan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Malaysia akan menyempurnakan perasmian pertandingan pada malam ini.

Tema pertandingan pada tahun ini ialah 'Perpaduan Asas Keutuhan Ummah'.

## MESYUARAT AGUNG BAFA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bola Sepak Amatur Negara Brunei Darussalam (BAFA) akan mengadakan mesyuarat agungnya bagi pemilihan Jawatankuasa Tertingginya bagi sesi 1985/1987 pada 9 Jun depan.

Mesyuarat tersebut akan berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan semua persatuan-persatuan bola sepak yang berdaftar dengan peraturan tersebut serta Persatuan Bola Sepak Daerah adalah dipersilakan menghadiri mesyuarat tersebut.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.